

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA BAGI PENGKAL PERSIDANGAN KEDUA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

SELASA, 8 SEPTEMBER 2009

BIL. 7 TAHUN 12

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sopian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Dr. Shahrudin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz Bin Haji Sopian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

Persidangan bermula pada jam 9:00 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA

(Jurutulis baca doa)

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT DATO' SPEAKER.

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, selamat sejahtera. Ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu diucapkan selamat menyambut bulan Ramadhan dan selamat berpuasa bagi kaum Muslimin dan Muslimat sekalian. Persidangan Dewan Negeri diteruskan.

Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan kertas mesyuarat Bilangan 40 dan 41 Tahun 2009.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 42, 43 dan 44 Tahun 2009.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 45 Tahun 2009.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 46 hingga 50 Tahun 2009.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Tuan Haji Adam bin Sumiru, jemput.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan 1 dan soalan 2.

Apakah cara kerajaan memantau perkembangan aktiviti pengangkutan yang seperti tidak terurus yang sedang berlaku di Terminal Awam Larkin pada masa ini?

Masalah yang diutarakan oleh peniaga-peniaga di Terminal Awam Larkin. Kadar sewaan bazar dan ruang niaga yang tinggi dan kadar caj *parking* yang tinggi. Apakah rasional Terminal Awam Larkin seolah-olah dijadikan seperti pusat beli-belah taraf tinggi. Apakah tugas kerajaan untuk memantau dan mengawal harga sewaan sesebuah bazar dan caj *parking*?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai latar belakangnya izinkan saya menjawab sekali soalan 1 dan 2. Terminal Pengangkutan Awam Larkin yang kita kenali sekarang sebagai Larkin Sentral dipunyai oleh TPM Management Sdn.

Bhd. iaitu sebuah anak syarikat JCorp. Terminal ini mempunyai 2 komponen iaitu, satu blok pasar dan dan satu lagi blok terminal, yang terletak di atas tanah yang luasnya lebih kurang 16 ekar lebih ataupun 6.6 hektar. Pengurusan kedua-dua bangunan ini dikendalikan oleh sebuah lagi anak syarikat JCorp Yang Berhormat Dato' Speaker, iaitu Damansara Aset Sdn. Bhd.

Sejak mengambil alih, sejak beroperasi pada tahun 1994 pelbagai pembangunan dan ubahsuai dan tambahbaik telah dibuat di tempat ini, bagi kemudahan orang ramai. Antara kerja-kerja pembangunan yang telah pun dilaksanakan oleh anak syarikat JCorp ini apabila mengambil alih Larkin Sentral, bermula dari tahun 2004 hingga 2007 iaitu fasa pertamanya ialah kerja-kerja pemasangan 6 unit eskalator, 2 buah tandas awam, kemudian menaik taraf substesen TNB, mengganti bumbung bangunan pasar dan menaik taraf lif yang sedia ada dan kerja-kerja fasa 1 ini, kos keseluruhannya ialah RM3.3 juta untuk makluman.

Fasa ke 2 bermula tahun lepas iaitu 2008, dimana bangunan tambahan tingkat 3 siap dibina, termasuk masjid, sebuah masjid An-Nur, dipanggil Masjid An-Nur dan juga pembinaan tempat letak kereta dan motosikal di Jalan Garuda 3. Dan, kerja-kerja ini menelan belanja sebanyak RM6.8 Juta.

Fasa ke 3 bermula tahun ini dan akan siap Yang Berhormat Dato' Speaker, pada tahun hadapan 2010. Dan, komponen kerjanya ialah:

- i) Naik taraf Medan Selera Aras 2 di bangunan pasar, pasar basah.
- ii) Menambah 4 unit eskalator dan satu lif penumpang.
- iii) Pembinaan jejantas pejalan kaki.
- iv) Pembinaan tandas awam yang baru bagi blok pasar.
- v) Pemasangan kamera litar tertutup ataupun CCTV.

Dan, anggaran kos semuanya sekali untuk fasa yang ke 3 ini ialah RM8.15 juta dan kalau kita kira ketiga-tiga fasa yang telah siap ini, kos keseluruhannya kepada tuan punya bangunan ini Larkin Sentral ialah RM18.65 juta.

Fasa ke 4 yang terakhir ialah akan bermula, insya-Allah pada tahun 2011 dan siap dijangka 2013. Dan, komponennya ialah:

- i) Naik taraf bazar terminal itu sendiri, kemudian menaik taraf terminal bas yang melibatkan penyusunan semula platform bas dan menambah bilangan platform. Ini yang sekarang kita tengah, akan laksanakan pada 2011 yang masih perlu dinaiktarafkan, bagi meningkatkan lagi kemudahan dan memberi keselesaan kepada pengguna dan juga pengusaha bas. Untuk fasa terakhir ini anggaran kosnya ialah lebih kurang RM6 juta dan keseluruhan kerja-kerja pembaikan dan penambahbaikan, pengubahsuaian Larkin Sentral apabila siap nanti sepenuhnya pada tahun 2013 Yang Berhormat Dato' Speaker berjumlah RM24.6 juta.

Sehubungan itu pada fasa ke 4 nanti akan memperlihatkan akan penyusunan semula platform-platform termasuk platform yang baru yang membolehkan aktiviti pengangkutan dan perjalanan bas, seperti perjalanan sistem keluar masuk bas di terminal ini lebih tersusun, sistematik dan lebih sistematik. Dalam pada itu, kerja-kerja

menaik taraf dan penyelenggaraan yang telah dilaksanakan dan akan dilaksanakan juga berkaitan dengan aktiviti pengangkutan di terminal. Ini ialah terminal 1 memasang papan tanda, dah siap papan tanda yang mengandungi nombor platform, nama dan destinasi setiap platform.

- ii) Melaksanakan sistem laluan berpalang bagi bas-bas yang memasuki kawasan terminal.
- iii) Menambah dua platform baru pada bulan lepas, Ogos 2009 ini pun dah siap bagi mengatasi masalah kapasiti bas yang menggunakan platform di hadapan terminal iaitu platform B.
- iv) Memasang 16 unit lampu limpah. Ini pun dah siap di kawasan terminal bas bagi menambah pencahayaan khususnya pada waktu malam untuk tujuan keselamatan pengunjung.
- v) Penambahbaikan 63 tempat duduk bagi kegunaan pengunjung di platform bagi kegunaan penumpang di platform A, B dan C serta persekitaran dalam bangunan.
- vi) Menyelenggara fasiliti dari segi kebersihan dan keselamatan dan;
- vii) Yang akhir akan dibuat pada hujung tahun ini ialah satu laluan berbumbung menghubungkan platform B dan C dan akan dibina bagi memudahkan penumpang-penumpang untuk melintas. Kerja-kerja ini dijangka bermula pada akhir tahun yang ketujuh itu.

Dalam pada itu Yang Berhormat Dato' Speaker, ada juga beberapa jabatan dan agensi kerajaan yang sentiasa memantau aktiviti pengangkutan di Larkin Sentral bagi memastikan ianya tidak menyalahi undang-undang serta terurus dalam urusan kerja seharian. Antara jabatan yang terlibat adalah:

- i) Majlis Bandaraya Johor Bahru sendiri yang membuat pemantauan dari aspek keluar masuk bas di terminal.
- i) PDRM atau Polis DiRaja Malaysia, iaitu penguatkuasaan dari aspek jenayah dan kesalahan lalu lintas ataupun jalan raya di persekitaran Larkin Sentral.
- ii) JPJ, penguatkuasaan dari segi pematuhan kepada undang-undang lalu lintas peraturan jalan raya serta lesen memandu, insurans kenderaan, cukai jalan dan daripada segi aspek fizikal kenderaan awam itu sendiri, dan;
- iii) LPKP iaitu pematuhan kepada permit pengangkutan awam seperti tidak beroperasi di luar kawasan, mengenakan tambang lebih, tidak mengikuti laluan dan jadual perjalanan, tidak menggunakan meter dan enggan mengambil penumpang.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dari 5 September yang lalu, JPJ juga telah menempatkan anggotanya secara tetap bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan sempena musim perayaan yang akan datang. Operasi bersepadu ini juga melibatkan pegawai dan anggota daripada PDRM, JPJ sendiri, Bandaraya, LPKP dan juga AADK, Agensi Anti Dadah Kebangsaan untuk kawasan Larkin Sentral.

Di samping itu juga penyelarasan berkaitan aktiviti pengangkutan dan laluan trafik telah dibuat dalam mesyuarat Jawatankuasa Lalulintas Majlis Bandaraya Johor Bahru, sekali dalam sebulan, di mana ahli-ahlinya terdiri daripada JPJ, LPKP, PDRM dan Damansara Aset Sdn. Bhd. selaku pengurus terminal yang bermatlamat agar aktiviti-

aktiviti khususnya aktiviti pengangkutan di Larkin Sentral dapat berjalan lancar dan teratur.

Menyentuh saya Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan dengan kenaikan harga sewa kedai dan kadar meletak kenderaan yang dikatakan tinggi di Larkin Sentral ini. Sejak JCorp melalui anak syarikatnya iaitu TPM Management Sdn. Bhd. menjadi pemilik Larkin Sentral, sejumlah hampir RM40 juta telah dibelanjakan bagi menampung kos operasi, kos penyelenggaraan dan kerja-kerja menaik taraf, ini untuk makluman, memandangkan keadaan fizikal bangunan bila diambil alih dulu perlu kepada kerja-kerja penambahbaikan.

Perbelanjaan yang telah dibelanjakan ini adalah bagi meningkatkan lagi tahap kemudahan bagi memastikan keselesaan pada para penumpang di samping Larkin Sentral dapat terus bersaing dengan kompleks perniagaan yang terdapat di sekitar Bandaraya Johor Bahru. Pihak pengurusan, Yang Berhormat Dato' Speaker juga telah membelanjakan lebih RM3.2 juta setahun bagi tujuan pengurusan dan penyelenggaraan bangunan yang merangkumi perkhidmatan kebersihan, penyelenggaraan teknikal dan keselamatan.

Di samping itu juga, penyempurnaan Masjid An-Nur di Larkin Sentral yang bernilai RM6.2 juta yang merangkumi juga penambahan ruang niaga sebanyak 25,154 kaki persegi adalah merupakan satu projek yang telah dilaksanakan untuk menaiktarafkan lagi dan memperbaiki kemudahan yang ada di Larkin Sentral.

Kadar sewa Larkin Sentral, untuk makluman adalah berasaskan kepada 2 bangunan utama iaitu blok terminal dan juga blok pasar. Bagi blok terminal, sejak pengurusan terminal diambil alih oleh JCorp melalui anak syarikat itu tadi, kadar sewa bagi bangunan terminal telah dinaikkan sebanyak 3 kali sejak diambil alih 2004 hingga sekarang, dia dah naikkan dengan kadar kenaikan di antara 5% hingga 10% kenaikan kadar sewa ini dan dilaksanakan sewaktu penyambungan penyewaan, maknanya apabila habis *tenancy* itu dengan izin, maka dikenakan syarat-syarat baru termasuklah menaikkan kadar sewa antara 5 hingga 10% dan kalau boleh saya jelaskan misalnya, pada tahun 2004 hingga 2005 apabila Larkin Sentral Management Sdn. Bhd. anak syarikat apa ini pada JCorp ini mengambil alih kawasan ini. Sewa yang dulunya sebanyak RM787.50, misalnya RM787.50 naik kepada RM865.00 iaitu naik sebanyak RM77.50 ataupun 10%.

Dan, tahun berikutnya 2006 – 2007 naik lagi, kalau dulu RM865.00, naik lagi RM960.00 naik RM95.00 iaitu sebanyak 10% juga. Kemudian, apabila satu lagi anak syarikat mengambil alih iaitu TPM Management Sdn. Bhd. yang sekarang ini menjalankan pengurusan Larkin Sentral untuk tahun 2008, diambil alih pengurusannya oleh TPM Management. Enam bulan yang pertama, sewa kekal ikut kadar lama iaitu RM960.00 tapi selepas itu dinaikkan lagi sebanyak 5% iaitu RM960.00 naik kepada RM1,005.00 iaitu naik sebanyak RM45.00 ataupun 5%. Maknanya, naiknya 25% daripada tahun 2004 hingga sekarang. Bagi penyambungan penyewaan untuk tahun 2008, oleh kerana masalah kegawatan ekonomi yang dialami maka pihak pengurusan telah memberikan insentif kepada penyewa-penyewa bangunan terminal, di mana tadi saya sebut tak naik, enam bulan yang pertama untuk tahun 2008, dan hanya menaikkan 5%, hanya menaikkan 5% sejak dikenakan bagi tempoh 2½ tahun berikutnya.

Bagi blok pasar pula, memang tiada sebarang kenaikan sewa dikenakan semasa penyambungan penyewaan dibuat dengan penyewa. Walau bagaimanapun, semakan semula kadar sewa di bangunan pasar ini akan dilaksanakan oleh JCorp ataupun TPM Management anak syarikatnya apabila kerja-kerja menaik taraf nanti disiapkan. Ini saya nak maklumkan awal, terlebih awal dululah kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk bila siap, pengubahsuaian, *upgrading* dengan izin, pasar basah itu nanti kadar sewa akan dikaji semula untuk melihat apakah kadar semasa yang lebih sesuai. Buat setakat ini memang untuk pasar, bazar dan medan selera tidak ada kenaikan, kenaikan harga sewa masih di tahap yang lama. Iaitu untuk pasar antara RM252.00 sebulan hingga RM287.00 sebulan. Bazar, RM244.00 hingga RM396.00 sebulan dan medan selera RM287.00 untuk setiap penyewa, sebulan.

Jadi, justeru daripada penjelasan itu tadi, kenaikan kadar sewa hanyalah melibatkan blok terminal dan ada kewajarannya pada pandangan JCorp selaras dengan kerja-kerja menaik taraf kemudahan yang telah dilaksanakan yang telah menelan belanja, yang macam mana, yang saya dah sebut tadi. Dan, sebagai perbandingan kalau kita nak tengok, kalau nak bandingkan kadar sewa lot kedai di pusat beli-belah lain di sektor Johor Bahru, kalau nak buat perbandingannya, Larkin Sentral untuk keluasan 150 kaki persegi itu tadi untuk penyewa, sewaanannya ialah antara RM5.80 hingga RM7.00 setiap kaki persegi. Kip Mart Tampoi di Jalan Skudai, RM8.00 kaki persegi, TJ Mart Saleng Kulai, RM7.00 kaki persegi, S Mart Pandan, RM10.00 hingga RM15.00 kaki persegi. Permas Jaya, TS Best Mart, RM7.00 hingga RM10.00 kaki persegi dan IOI Mart di Kulai, RM6.80 hingga RM12.15 untuk setiap kaki persegi. Jadi, melalui fakta yang saya jelaskan ini dapatlah mungkin kita rumuskan bahawa kadar sewa ruang niaga di Terminal dan Pasar Awam Larkin masih berpatutanlah jika dibandingkan dengan yang disebutkan tadi.

Dan, berhubung dengan kadar meletak, kadar bayaran letak kenderaan di Larkin Sentral, suka saya memaklumkan bahawa setelah membuat kajian dan perbandingan dengan kompleks perniagaan lain, JCorp telah bersetuju untuk mempertimbangkan semula kadar caj bayaran, kemudahan tempat letak kereta di Larkin Sentral yang telah pun berkuat kuasa mulai 1 Ramadhan yang lalu ataupun bersamaan dengan 22 Ogos yang lalu, sebagaimana berikut iaitu kalau dulunya sebelum puasa, hari Isnin hingga Jumaat untuk tapak bayaran *car park* ini, ataupun letak kereta, RM1.50 untuk 2 jam pertama atau sebahagiannya. 2 jam pertama RM1.50 diturunkan kepada RM1.00 dan dipanjangkan masanya untuk 3 jam pertama atau sebahagiannya ataupun selepas itu, selepas 3 jam, kalau dulu selepas 2 jam, RM1.00 setiap jam berikutnya tapi kini selepas 3 jam sama juga, RM1.00 setiap jam berikutnya. Dan, untuk hari cuti Sabtu, Ahad dan cuti umum RM2.00, dulu RM2.00 untuk 2 jam pertama atau sebahagiannya, kemudian selepas 2 jam RM1.00 bagi setiap jam kadarnya sama lagi masih untuk hari cuti umum atau *weekends* ya hujung minggu, RM2.00 tapi dipanjangkan kepada 3 jam pertama atau sebahagiannya dan selepas itu RM1.00 untuk setiap jam.

Kajian semula kadar letak kereta tersebut dibuat dengan mengambil kira agar kemudahan ini tidak disalah guna oleh pemilik kenderaan yang bekerja di Singapura iaitu mengelakkan daripada mereka meletakkan kenderaan dalam jangka masa yang lama, sekali gus tidak dapat menampung mereka yang datang untuk membeli belah dan berurusan di Larkin Sentral. Dan, diharap dengan pengubahsuaian caj tempat letak kereta ini akan mampu untuk meningkatkan jumlah mereka yang datang ke

Larkin Sentral dan seterusnya akan dapat meningkatkan lagi pendapatan para peniaga dan penyewa di Larkin Sentral.

Y.B. Dato' Speaker : Tanjung Puteri.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga berterima kasihlah kepada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat EXCO, yang mana begitu terperinci. Tapi, apa yang menjadi masalah adalah kalau kita lihat banyak perubahan dan juga perkembangan yang berlaku di Terminal Larkin tu, sesuai dengan kita kata terminal pengangkutan awam tetapi apa yang dilakukan oleh pihak yang berkenaan hanyalah kepada bangunannya. Malahan kegunaan kepada orang awam apabila hendak menaiki bas dan sebagainya kita dapat lihat, yang mana bas berhenti di tengah jalan, penumpang terpaksa berlari. Kalau hujan, penumpangnya basah dan sebagainya.

Jadi, tak ada kita nampak kenaikan taraf langsung kepada terminal bukan kepada bangunannya tetapi kepada tempat *parking* bas itu sendiri. Kalau kita lihat bas-basnya berselerak, apabila menurunkan penumpang pun, mereka menurunkan penumpang di tengah-tengah kawasan. Jadi, penumpang terpaksa berlari kalau hari hujan, terpaksa berlari untuk pergi ke terminal yang begitu saya lihat telah diubahsuai dengan baiknya. Tetapi, masalahnya kegunaan kepada orang awam itu sendiri tidak dititikberatkan dan kesusahan kepada pengguna-pengguna itu sendiri tidak dapat diatasi. Sekian, terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, pembangunan pengubahsuaian dan menaik taraf Larkin Sentral ini dibuat oleh pihak JCorp secara berfasa, tadi saya dah jelaskan. Memang saya akui bahawa tempat terminal bas tu, keluar masuk bas, susun atur bas akan hanya dibuat pada fasa keempat yang bermula pada 2011. Sementara ini, kerja-kerja pengubahsuaian seperti menambah platform untuk terminal utama iaitu Terminal B, yang betul-betul di hadapan bangunan Larkin Sentral itu yang mana platform yang paling popularlah, banyak digunakan hanya menambah 2, 3, platform sahaja. Kerja untuk mengubahsuai semula menaik taraf tempat bas ni, turun naiknya, apa ni, penumpang yang sekarang ni memang terdedah sebahagian besarnya kepada hujan dan panas hanya akan dibuat mulai 2011 dan dijangka siap 2013. Dan, dalam perancangan JCorp juga atau anak syarikatnya ini bahawa apabila disusun semula nanti iaitu semasa habis semua perjanjian yang dibuat antara tuan punya bangunan dengan pengusaha-pengusaha bas, yang semuanya sekarang jumlahnya 52 buah syarikat, dia akan habis perjanggiannya pada 2010 akhir nanti itu, akan disusun semula dengan secara bertunda. Dan, bila kita buat secara bertunda ini, dia punya aliran keluar masuk bas akan lebih sistematik daripada yang ada sekarang.

Saya memang akui, kalau lihat secara sekali pandang memang terdapat bas-bas ekspres yang keluar masuk dan menunggu terlalu lama termasuk juga bas-bas henti yang masuk dalam kawasan-kawasan yang seharusnya dikhaskan untuk bas ekspres tetapi oleh kerana belum lagi ada secara keseluruhan penyusunan yang khusus untuk bas ekspres dan bas hentian itu juga merupakan mendatangkan pandangan yang agak berkecelaru di kawasan, di kawasan Larkin Sentral ini. Ini saya akui, bahawa ini memang satu perkara yang mesti dilihat oleh pihak yang bertanggungjawab dalam

kawasan ini dan ini akan dilaksanakan pada fasa keempat bermula 2011 dan jangka siap 2013.

Y.B. Dato' Speaker : Kempas.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan tambahan, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Sekejap, Kempas.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas) : Terima kasih Dato' Speaker, saya dengar tadi tentang perbandingan sewaan kedai ataupun bazar di Pasar Awam Larkin ini dengan mana-mana tempat perniagaan seperti contoh tadi KIP Mart, IOI dan sebagainya. Tetapi, perbezaannya nyata, yang ini adalah pasar awam, bukan tempat perniagaan swasta 100%. Jadi, saya rasa kalau pasar awam ni yang dulunya dikendalikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, *rate* dia tak boleh nak samakan? Mesti di bawah harga ataupun kesederhanaan harga sewaan itu mesti ada. Jadi, kalau pihak yang bertanggungjawab ini mengenakan sewaan mengikut kiraan seperti mana yang dikatakan tadi, itu amat tidak patut. Kemudian, daripada segi keselamatan kalau kita lihat perbandingannya pula di tempat lain lebih selamat. Tetapi kalau di Pasar Awam Larkin ini dengan adanya ragut, kadang-kadang adanya ulat-ulat penjual tiket haram dan sebagainya. Selain daripada itu, yang saya lihat sudah terjadi sekian lama tanpa dipantau oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang berkemungkinan satu hari nanti akan menjadi satu malapetaka yang besar iaitu terdapat sebuah stesen penjualan minyak di tengah-tengah kepadatan lalu lalang pengguna di pasar awam itu. Adakah pihak berkuasa juga memantau tentang segi keselamatan perkara seperti ini. Jadi saya rasa sangat tidak patutlah kalau kita bandingkan dengan pasar-pasar ataupun tempat-tempat perniagaan, bazar tempat-tempat lain yang keselamatannya seratus peratus lebih baik lagi kalau dibandingkan dengan Pasar Awam Larkin ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, soalnya...

Y.B. Dato' Haji Osman Bin Sopian (Kempas) : Jadi saya, ingin tahu adakah pihak Kerajaan peka dalam berbagai-bagai faktor yang saya katakan tadi. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli Yang Berhormat Kempas menyentuh tentang sewaan dan permasalahan keselamatan secara umum di kawasan Larkin Central ini yang mengandungi tempat perhentian bas, teksi kemudian dia ada *shopping complex* dia sekarang iaitu di bangunan terminal tu, kemudian pasar basah yang sedang di naik taraf yang belum siap lagi ni dan saya secara umumnya berkenaan dengan sewaan tadi saya dah pun cakap dalam masa 4 tahun lebih kurang sewa naik 25% dan saya sedar bahawa di kalangan peniaga-peniaga pun ini merupakan satu rungutan kepada, saya minta maaf kepada JCorp, kerana kenaikan kadar ini dan mereka berpendapat seharusnya sebagai sebuah GLC. Mengambil kira kemampuan dan urusan urus niaga penyewa bagi kawasan-kawasan yang ditadbir urus atau dikendalikan oleh JCorp.

Dan saya sedikit sebanyak bersetuju juga dengan pandangan Yang Berhormat Ahli Kempas berkenaan dengan sewaan setiap kali dinaikkan apabila ada membuat kerja-kerja pengubahsuaian. Dan perbandingan yang dibuat itu tadi hanya untuk menunjukkan bahawa sehingga kini harga sewa yang dikenakan, kadar sewa yang dikenakan oleh JCorp agak tidak melebihi tempat-tempat yang agak, yang dijalankan oleh pihak swasta, yang agak boleh bersaing perniagaannya dengan walaupun tempat-tempat ini dia tiada, dia ada *supermarket*, dia ada *dry market* mungkin, dia ada *hypermarket* tapi dia tidak ada pasar awam macam di Larkin Central.

Tapi kita kena juga ambil kira bahawa mungkin orientasi JCorp ini hanya, dia melihat prestasi anak-anak syarikatnya ialah kepada mendatangkan keuntungan, *that is profit making*, dengan izin. Jadi kerajaan akan melihat semula supaya JCorp tidak hanya mementingkan keuntungan tetapi juga di masa yang sama mestilah ada memberikan banyak ruang kepada peluang-peluang membaiki, membaiki urusan meniaga peniaga-peniaga, dan kalau kita lihat dekat kawasan ini, peniaga-peniaga ini terdiri bukan sahaja dengan Bumiputra tetapi semua. Dia merangkumi konsep yang peniaga-peniaga lain juga ada, yang bukan Bumiputra. Dan kita tengok seharusnya, kerajaan akan mengkaji untuk menentukan bahawa seharusnya JCorp mengambil kira semua faktor ini supaya dapat membantu dan memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil yang berniaga di kawasannya untuk berkongsi sama mungkin keuntungan yang boleh didapati antara JCorp dan juga penyewa-penyewa kedai ini. Maknanya mungkin JCorp kena tengok baliklah kenapa asas dia ditubuhkan dahulu. Tujuan dan asas JCorp ditubuhkan, supaya dia tidak lari jauh. Mungkin salah pandangan saya tadi tapi pandangan saya buat setakat ini daripada landasan kenapa JCorp itu ditubuhkan.

Y.B. Dato' Speaker : Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya cuma nak ambil tahu sama ada bagaimana komunikasi di antara LPKP, sebuah agensi kerajaan persekutuan dan PBT. Sebab LPKP yang menuduh mereka nak memulihkan perkhidmatan bas di kawasan-kawasan perbandaran contohnya MPJBT, Taman Sri Skudai dan sebagainya, menghadapi masalah sebab PBT tidak bekerja sama untuk mewujudkan infrastruktur contohnya perhentian bas dan sebagainya. Sama ada, saya nak ambil tahu sama ada, bagaimana komunikasi di antara LPKP dan PBT...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat lari daripada soalan asal, soalan asal cerita perhentian bas Larkin di sekitar tu apa cerita, dia bukan melibatkan LPKP tambah itu, ini soal kemudahan berkaitan dengan perhentian bas Larkin. Jadi Yang Berhormat soalan itu dah lari kepada, jauh lari dari soalan asal.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Minta Yang Berhormat Dato' Speaker, sebab ini kita dalam Dewan Undangan Negeri Johor ini sebab kita bukan MBBB ini soalan ini disambung ke kawasan lain...

Y.B. Dato' Speaker : Eh... Yang Berhormat betul, saya faham dalam memang dalam negeri boleh bangkit apa soalan, tapi dalam soalan jawapan lisan dia mesti ikut soalan orang yang pertama tu, yang pertama tu tanya apa, dia cerita *bus stand* Yang Berhormat tak boleh pergi cerita kenapa bas sana tak ada tempat lain tak ada, dia

kemudahan yang ada di *Bus Stand* Larkin dia tak keluar daripada tajuk itu. Kalau Yang Berhormat nak penstrukturan Larkin tu lain, ye la saya fahamlah tu.

Ok, soalan seterusnya, Yang Berhormat Encik Gwee Tong Hiang jemput.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 3.

Memandangkan Wabak Influenza A (H1N1) telah menular dengan pantasnya di negara ini, adakah kerajaan bercadang untuk membekalkan penutup mulut dan hidung ("*mask*") percuma kepada setiap rakyat di Negeri Johor bagi membendung penularan wabak ini?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Cheong Chin Liang jemput.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 4.

Sila nyatakan kes-kes penyakit Pandemik Influenza A H1N1 yang berlaku di dalam Negeri Johor mengikut daerah masing-masing setakat bulan Ogos 2009 dan langkah-langkah pencegahan yang diambil oleh Kerajaan Negeri Johor?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dr. Boo Cheng Hau jemput.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan 5.

Apakah kadar kematian wabak Influenza H1N1 setakat ini di Negeri Johor dan apakah langkah-langkah diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan kematian dan mengelakkan ianya dari menular termasuk pendidikan orang awam, kaedah kuarantin, pembekalan Tamiflu/topeng muka, tempahan vaksin H1N1 baru?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Tuan Haji Kamaruzaman Ali jemput.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman Bin Ali (Bukit Permai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 6 dan 7.

Berkaitan dengan isu H1N1, berapakah peratusan dari segi kematian dan jangkitan virus Influenza A H1N1 mengikut kaum di Negeri Johor?

Berkaitan dengan kadar kematian akibat H1N1 yang semakin meningkat terutamanya kes-kes di Negeri Johor, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewajibkan pemakaian topeng muka bagi semua urusan di tempat awam dan juga wajib untuk kakitangan awam menggunakannya?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Abd Aziz Haji Sopian jemput.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas) bagi pihak Y.B. Datuk Haji Abd Aziz Bin Haji Sopian (Nusajaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 8.

Apakah tindakan dan langkah pencegahan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah wabak H1N1 yang semakin kritikal?

Y.B. Dato' Speaker : Eh, adik, abang yang jawab. (Ketawa) Yang Berhormat Encik Ng See Tiong jemput.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 9.

Sejauh manakah langkah-langkah pencegahan yang berkesan telah diambil oleh kerajaan terhadap jangkitan Influenza A H1N1 di Negeri Johor memandangkan penularan wabak semakin menunjukkan ke arah peningkatan yang mendadak.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan: Bismillahirrahmaanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan: Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menjawab secara bersekali bagi soalan nombor 3, 4, 5, 6, 7, 8 dan 9 yang berkaitan dengan Influenza A H1N1. Virus Influenza A H1N1 adalah virus baru, semua orang tiada daya ketahanan terhadap jangkitan ini. Influenza A H1N1 virus berjangkit dari manusia kepada manusia melalui titisan cecair yang dikeluarkan semasa bercakap, batuk atau bersin. Mana-mana individu yang berhubung rapat lebih kurang 1 meter dengan individu yang mengalami gejala selesema adalah berisiko untuk mendapat jangkitan penyakit akibat daripada titisan cecair.

Di Negeri Johor kes pertama disahkan H1N1 Influenza A adalah pada 23 Jun 2009 yang merupakan kes *import*. Manakala kes pertama transmisi tempatan telah dilaporkan pada 4 Julai 2009. Untuk makluman sekalian, situasi di Johor, taburan kes Influenza A H1N1 sehingga 6 September 2009, keseluruhan kes adalah 592 orang di mana yang tinggi adalah Johor Bahru 182, Batu Pahat 166, Kluang 82, Segamat 44, Pontian dan Muar 17, Kota Tinggi 24, Mersing 32, Ledang 20, Kulaijaya 8.

Daripada kes-kes itu terdapat 27 kes kematian, di mana Johor Bahru mencatatkan 14 kes kematian, Batu Pahat 7, Kluang 4, Segamat 1, Kulaijaya 1, yang lain tiada kematian, Alhamdulillah. Daripada bangsa pula, dari Johor Bahru yang 14 orang meninggal itu adalah 9 Melayu, 3 Cina, 1 India. Di Batu Pahat, 4 Melayu, 2 Cina, 1 India. Kluang 1 Melayu, 1 Cina, 2 India. Segamat 1 Melayu dan Kulaijaya 1 Melayu. Daripada itu kita dapat *cluster cases* sebanyak 129 cases. Siapakah yang berisiko tinggi akibat jangkitan Influenza A H1N1 ini adalah kanak-kanak yang kurang daripada 5 tahun, individu berusia 65 tahun ke atas, kanak-kanak dan remaja kurang daripada 18 tahun yang menggunakan *therapy aspirin* untuk jangka masa yang panjang, wanita mengandung, orang-orang yang obes dan berpenyakit Asma, penyakit pernafasan kronik *obstructive*, kegagalan organ, penyakit *cardiovascular*, *diabetes militias*, dan sebagainya. Dan orang-orang dewasa dan kanak-kanak yang mengalami daya ketahanan yang rendah iaitu *iminosperation*. Individu yang menginap di rumah kebajikan dan institusi penjagaan yang lain.

Langkah-langkah pencegahan yang kita harus adakan adalah meningkatkan kesedaran masyarakat tentang perlunya mendapat rawatan awal sekiranya mempunyai gejala-gejala. Memberi rawatan *antiviral* di klinik-klinik kerajaan bagi kes-kes yang tertentu terutama kes-kes yang berisiko tinggi tadi dan amalan kebersihan diri dan adab batuk yang betul. Jadi kita kena amalkan di rumah dan tempat kerja supaya kita basuh tangan dan sebagainya. Dan pesakit dinasihatkan untuk tinggal di rumah, elakkan berhubung rapat dengan ahli keluarga yang lain serta mengambil langkah kawalan dan pencegahan dari menjangkiti mereka yang menjaga pesakit.

Sekiranya gejala Influenza semakin teruk, pesakit hendaklah segera mendapatkan rawatan di hospital dan sekiranya individu yang tergolong dalam kumpulan yang berisiko tinggi mengalami gejala Influenza segeralah mendapatkan rawatan. Dan dinasihatkan untuk mengelakkan berada di kawasan sesak dan seboleh-bolehnya tangguhkan atau batalkan atau kurangkan menghadiri majlis keramaian. Tentang pemakaian penutup mulut dan hidung, kerajaan tidak mewajibkan pemakaian penutup mulut dan hidung, ia hanya digalakkan kepada mereka yang bersimptomatik dan juga kepada golongan yang berisiko tinggi terutama bila berada di tempat awam yang sesak. Jabatan Kesihatan Johor juga tidak membekalkan penutup mulut dan hidung secara percuma kepada orang ramai.

Walau bagaimanapun, sektor swasta adalah digalakkan untuk menyumbang bekalan penutup mulut dan hidung kepada rakyat Johor atas dasar tanggungjawab sosialnya. Jadi kita juga adakan promosi, Program Tanggungjawab Sosial Korporat kepada sektor swasta bagi menguruskan sendiri kes-kes Influenzanya dan juga memberi sumbangan seperti membekalkan topeng mulut dan alat termometernya dan terutamanya di *hot-hot spot* di mana ramai pesakit datang untuk mendapatkan rawatan bolehlah pihak swasta mendermakan air, *fan* dan sebagainya untuk meringankan lagi pesakit-pesakit yang menunggu untuk mendapat rawatan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Parit Yaani.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Influenza A H1N1 ini ada dua jenis. Satu iaitu *import*, Influenza, *Import*, yang satu lagi Influenza *Local*, tempatan. Sekarang soalan saya apa akan jadi sekiranya Influenza *Local* ini dibawa oleh orang asing ke luar negara iaitu dieksporthkan, lepas itu apa akan jadi sekiranya yang *local* ini dieksporthkan lepas tu *import* balik semula? Ini saya nak tahu keadaan penyakit H1N1 apa keadaan sekiranya keadaan macam begitu berlaku?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat dia pakai apa tu eksport dengan import?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Sebab *local export* lepas tu import balik. Sudah eksport itu dipanggil apa jenis H1N1 ke H1N2? Dia ada namakan atau Influenza ini macam mana kita nak mencegah? Lepas tu di import semula. Sekian terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ya lah...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat, macam *trading* pula ya

import export. Sebenarnya kes *import* itu adalah kes datangnya dari negara yang mengalami penyakit H1N1 ini lah. Jadi kes pertama yang di *import* daripada, kalau di Johor daripada Australia lah. Jadi itu menyebabkan transmisi *local, local transmission* dipanggil ya, itu tempatan lah. Jadi apa akan jadi kita *export* pula ya? Jadi tiap-tiap kita kalau kita pergi ke luar negara, seperti juga kes *import* lah ya kalau kita pergi ke luar negara, kita akan mengisi borang. Borang menyatakan bahawa kita ini daripada, adakah kita daripada negara yang dijangkiti penyakit ini. Lepas itu macam kita juga, kita ada *screening* di tiap-tiap pintu masuk negara kita. Jadi di negara-negara lain pun ada *screening* juga, dia akan tengok apakah kita mengidap penyakit itu. Jadi kalau kita mengidap, macam kita buat juga lah. Kalau kita mengidap penyakit itu kita pergi ke negara itu, kita akan di *isolate* kan untuk satu minggulah. Jadi, di seluruh negara, di seluruh dunia ni mengamalkan prosedur yang sama. Jadi, kalau kata Yang Berhormat, kalau dia dah, dah eksport lepas tu balik-balik dia akan sebab. Tak. Penyakit ni apabila seseorang itu mendapat jangkitan H1N1 ini, dia akan dapat daya tahan tubuhnya *immune*, jadi, dia akan selamat. Tak akan menyebabkan penyebaran kepada orang lain. Dia akan kena sekali sahaja, insya-Allah. Itu sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Bukit Batu.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya ucapkan terima kasihlah kepada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat EXCO. Kalau kita tengok H1N1 ni, telah berlaku secara *sustain human to human transmission* atau dengan izin, ataupun jangkitan manusia ke manusia yang berterusan dan kadar kematian kes H1N1 di Negeri Johor ini agak tinggi. Kalau ikut 27 kes daripada 73 kes dalam satu Malaysia ini, dan lebih kurang 37%. Sebab itu saya ingin tahulah apakah langkah-langkah pendidikan kepada masyarakat mengenai H1N1 yang saya fikir masih tidak mencukupi yang akan dijalankan oleh kerajaan kita.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Terima kasih, Yang Berhormat. Pendidikan kepada masyarakat sudah dijalankan dari dulu lagi. Dan, kita selalu menyebarkan melalui pamflet, daripada surat khabar pun banyak keluar dan juga radio-radio. Radio-radio, media massa dan sebagainya. Radio saya rasa, tiap-tiap berapa minit dia akan keluarkan apa caranya, apa penularannya, apa itu H1N1 dan bagaimana pencegahannya. Jadi, saya rasa kita akan terus memberi penerangan secukupnya kepada masyarakat.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Seperti dimaklumkan tadi bahawa jumlah kematian di Negeri Johor 27. Saya rasa ini yang tertinggi di Malaysia. Jadi, apakah punca, apakah sebabnya yang menyebabkan Negeri Johor ini, pesakit ini ramai yang meninggal? Dan yang keduanya, kita lihat dari segi bangsa, Melayu paling ramailah. Dia ada faktor-faktor yang tertentu yang menyebabkan berlakunya di Negeri Johor jadi begini? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Terima kasih. Kenapa Melayu lebih ramai daripada bangsa lain? Itu mungkin, banyak kemungkinan kenapa Negeri Johor *top of the list, top*

ten dan sebagainya. Banyak kemungkinan. Ada yang mengatakan bahawa kita duduk dekat dengan *Singapore*. Keluar masuk, keluar masuk, kes *Singapore* yang tak, yang mengadakan laporan yang rendahlah. Dia *suppress* dia punya laporan. Separuh negara pun tak telus sangatlah. Jadi, mungkin, itu mungkin ada satu sebab. Mungkin kerana kesihatan diri ataupun kita ini terlalu ambil sambil lewa jelah. Tak ada pun, kalau kita tengok eh, kalau kita tengok kalau di tempat-tempat ramai pun, tak ramai orang pakai *mask* dan sebagainya. Mungkin di kalangan masyarakat kita, bahawa itu kalau ada kematian pun, takdir Allah je. Itu pun ada juga punca macam tu eh. Mungkin orang Cina yang rendah ataupun orang India yang rendah kematiannya, mungkin dia tak pergi ke tempat orang ramai ataupun dia jaga kebersihan diri dengan sempurna dan sebagainya atau lagi satu, makan vitamin. Kadang-kadang kita jarang makan untuk, ubat untuk menguatkan badan kita. Kaum-kaum lain akan makan makanan yang berzat dan bervitaminlah. Jadi, kuat, daya tahan dia kuat. Punca penyakit ini kalau daya tahan kita rendah, daya tahan kita rendah, dia senanglah berjangkit pada kita. Jadi, nak katakan apa sebab yang pasti, kenapa Melayu lebih banyak kematiannya, kita wallahualam. Tak tahu, kita tak tahu lagi macam mana.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, Jementah.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Terima kasih. Kalau kita halusi kadar kematian penyakit H1N1 di negara kita secara relatif dan perbandingan dengan negara lain lebih tinggi. Tapi, kalau kita pastikan sistem penyampaian kesihatan di Malaysia, secara relatif di rantau Asia boleh dikatakan baik. Jadi, saya tidak faham kenapa keadaan kadar kematian H1N1 boleh tinggi di Malaysia. Adakah masih terdapat kelemahan-kelemahan ataupun kebocoran-kebocoran dalam program tindakan pencegahan penyakit H1N1? Atau pun penglibatan kesedaran masyarakat dalam menangani penyakit tersebut masih tidak memuaskan? Sila beri komen.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Terima kasih, Yang Berhormat. Kenapa Malaysia tinggi eh, kalau dibandingkan dengan negara-negara lain? Kalau kita lihat laporan daripada WHO pun, ada negara-negara tak melaporkan kematian. Dia tak mahu negaranya terlibat dalam pada, akan menjejaskan ekonomi dia ke, pelancongan dia. Jadi, dia *suppress*, dia tak akan umumkan, macam kita ni, kita telus, kita umumkan berapa yang meninggal, berapa yang kes apa tu positif, berapa kes *clusters*, apa tindakan-tindakan kita. Kita laporkan ke WHO tetapi negara-negara lain, oleh sebab banyak yang akan menyebabkan *effect* kepada negara dia, dia tidak akan melaporkan. Kalau kita lihat, apa, macam, ah tak boleh cakaplah, negara-negara lain. Jadi, kita tengok dalam, dalam apa, internet, boleh tengok negara mana yang boleh melaporkan sedikit. Padahal banyak kematian. Kadang-kadang negara terlalu besar, dia tak pergi ke Kementerian Kesihatan dia untuk melaporkan kematian. Jadi, itulah yang punca-punca. Bukan, bukan maknanya meningkatnya kematian itu adalah sebab kerana kita tak ada keselamatan atau program-program pencegahan ataupun kita punya tanggungjawab kita abaikan ke, tak. Kita ambil sebaik mungkin cara-cara untuk pencegahan dan pengubatan. Jadi, sekarang ini kalau orang yang ada simptom ILL eh, *influenza like illness*, kita terus kasi ubat. Kita dah ada ubatlah, *Tamiflu*. Dan, insya-

Allah, akhir tahun ni kita akan adakan *immunisation*, cucuk kepada siapa yang hendak, terutama orang-orang yang berisiko tinggi. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, memandangkan kadar kematian disebabkan H1N1 begitu tinggi di Negeri Johor iaitu 4.8% berbanding dengan SeMalaysia adalah 1.6% dan sedunia adalah 0.8% iaitu kadar kematian kita di Negeri Johor adalah tiga kali ganda berbanding dengan kadar SeMalaysia dan sembilan kali ganda berbanding dengan sedunia. So, soalan saya adalah seperti yang dikatakan oleh WHO yang kaedah yang paling efektif untuk mencegah infeksi H1N1 adalah vaksin H1N1 yang terbaru yang dijangka akan keluar pada bulan ini atau bulan depan. Ada negara telah, kerajaan negara lain telah menempah vaksin iaitu dua kali, dos adalah dua kali ganda bilangan penduduk dia. Maknanya kalau di Negeri Johor kita ada bilangan penduduk 2 juta, kita memerlukan 4 juta vaksin H1N1 yang terbaru. Adakah Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Persekutuan telah berusaha untuk memastikan perbekalan vaksin H1N1 terbaru ini akan dinikmati di Negeri Johor.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Terima kasih, Yang Berhormat. Tentang vaksin ini, kerajaan memang dah tempah dah. Dan kita dah tempahkan bukan hanya daripada satu *company* tetapi dua, tiga *company* supaya dia datang dengan cepat dan juga banyak. Kita memang tempah lebih daripada, kita tak akan kata *population* kita banyak tu, kita tempah untuk banyak tu. Tak. Kita akan tempah lebih daripada tu untuk siap siaga-anlah. Jadi, memang kerajaan dan kementerian selalu prihatin dan memang kita ambil langkah-langkah tu. Apa, kos tak kira. Semua kerajaan tanggung. Terima kasih,

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Dr. Haji Mohamad Taslim, jemput.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 10. Terima kasih.

Tindakan menyerahkan 27 buah sekolah agama bantuan Kerajaan Negeri termasuk 8 SRAB kepada KPM untuk mendapat status SABK adalah merugikan masa hadapan pendidikan agama Islam di Johor. KPM akan memansuhkan sukatan pelajaran agama dan diganti dengan satu mata pelajaran iaitu Arab Komunikasi.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker, penjelasan tentang perkara ini sebenarnya telah saya beri beberapa kali. Sebelum ini, di Dewan yang mulia ini, sama ada dalam bentuk jawapan soalan lisan mahupun semasa penggulungan perbahasan. Namun yang demikian Yang Berhormat Dato' Speaker, saya bersedia untuk memberikan jawapan kepada Ahli Yang Berhormat kawasan Sungai Abong.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, proses pendaftaran 19 Sekolah Menengah Agama Negeri dan juga Sekolah Menengah Agama Rakyat dan 8 buah Sekolah Rendah Agama Bersepadu atau SRAB di Negeri Johor sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, SABK kini berada di peringkat akhir untuk persetujuan bersama. Isi kandungan MOU di antara Kerajaan Negeri Johor dengan Kementerian Pelajaran

Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kurikulum Al-Azhari yang sedang diguna pakai di sekolah-sekolah tersebut akan terus dikekalkan. Bahkan perkara ini telah dimasukkan di dalam kandungan MOU. KPM juga iaitu Kementerian Pelajaran Malaysia juga telah bersetuju untuk mengekalkan pelaksanaan kurikulum Al-Azhari di semua SABK dan akan menjadikannya sebagai sebahagian kurikulum kebangsaan di bawah Akta Pelajaran 550.

Implikasi pendaftaran ini akan memberi banyak kebaikan kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan sekolah tersebut iaitu guru, pelajar dan pembangunan sekolah itu sendiri. Bagi pihak guru, dengan pelaksanaan SABK ini akan memberi kelebihan-kelebihan dari aspek perjawatan yang lebih terjamin dengan pelbagai kemudahan dan setaraf dengan penjawat awam lain di dalam Kementerian Pelajaran Malaysia. Bagi pihak pelajar pula, mereka akan berada di dalam arus pendidikan perdana tanpa mengetepikan identiti sekolah asal mereka. Bahkan, mereka mempunyai peluang yang sama seperti mana pelajar-pelajar lain di dalam aspek kurikulum mahupun ko-kurikulum. Dari aspek pembangunan sekolah pula, bantuan per kapita dan peruntukan pembangunan akan diberikan selaras dengan keperluan sekolah tersebut sepertimana yang dinikmati oleh sekolah-sekolah lain di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.

Justeru, Yang Berhormat Dato' Speaker, adalah tidak benar sama sekali dakwaan Ahli Yang Berhormat Sungai Abong bahawa dengan mendaftarkan sekolah-sekolah tersebut, maka ia akan merugikan masa hadapan di peringkat Islam Negeri Johor. Kerana dengan mengekalkan kurikulum Al-Azhar ini, anak-anak kita yang belajar di sekolah-sekolah rakyat dan sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri akan dapat terus belajar dalam bidang agama khususnya ke Universiti Al-Azhar di Timur Tengah. Selain daripada menjaga kebajikan baik guru mahupun murid malah murid bukan sahaja diberikan peluang untuk menuntut dalam bidang agama tetapi juga dalam bidang-bidang lain, bidang-bidang profesional juga. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat. Soalan tambahan saya ialah, saya cukup gembiralah bila mendengar bahawa kurikulum Azhar akan dikekalkan. Jadi apa perkara terpenting kerana kita nak memastikan pelajar Agama ini tidak ketinggalan dan pelajar kita dapat terus melanjutkan pelajaran ke, contoh ke Universiti Al-Azhar. Dan dari segi yang saya nampak masalah dari segi kewangan, adakah Kerajaan Johor tidak mampu untuk menanggung kos yang melibatkan terpaksa diserahkan kepada Kerajaan Pusat kerana kita dapat memastikan bahawa contohnya, SRAB telah berjaya menarik ramai anak-anak kita belajar di situ malahan ada *waiting list* dengan izin. Jadi, ini adalah satu kejayaan yang telah dapat dicapai oleh Kerajaan Negeri Johor yang patutnya kita kekalkan. Jadi, saya mengharapkan supaya ko-kurikulum Azhar ini akan benar-benar dikekalkan tidak seperti yang telah berlaku kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, contohnya yang di Muar tu, Maahad Muar kerana dulu adalah sekolah yang mempunyai kurikulum ini, arab yang penuh tetapi sekarang hanya Bahasa Arab Komunikasi. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama: Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih atas soalan tambahan. Yang Berhormat Dato' Speaker, soal kewangan bukanlah soal

utama di sini. Soal utama ialah kebaikan yang diberikan dengan mendaftarkan sekolah-sekolah tersebut dengan Kementerian Pelajaran sebagaimana yang saya nyatakan tadi. Kita masih dapat mengekalkan identiti sekolah tersebut. Kita masih dapat menyalurkan pelajar-pelajar yang mengikuti pelajaran di sekolah-sekolah agama rakyat dan ke sekolah, ke Universiti Al-Azhar seperti yang dinyatakan tadi. Di samping itu, kita juga mahu anak-anak kita sebagaimana yang saya nyatakan tadi, anak-anak kita juga dapat mengikuti bukan sahaja khusus dalam bidang agama tetapi khusus-khusus dalam kursus-kursus profesional tetapi dalam masa yang sama mempunyai latar belakang agama yang kukuh.

Inilah sebenar kehendak ibu bapa dan selain daripada itu, seperti yang saya nyatakan tadi, kedudukan guru-guru dan sekolah apabila sekolah-sekolah ini didaftar dengan pihak kementerian, maka mereka guru-guru ini akan dapat jaminan pekerjaan dengan lebih baik, seperti juga pegawai-pegawai kerajaan yang lain. Kalau pegawai kerajaan lain mempunyai peluang untuk mendapatkan pinjaman perumahan sebagai contoh, mereka juga layak, mereka juga boleh dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat berdasarkan kelayakan masing-masing. Mereka boleh pergi melanjutkan pelajaran kalau mereka masih mampu. Jadi, banyak kebaikan sama ada pada guru mahupun pada murid yang dapat diberikan hasil daripada pendaftaran sekolah-sekolah ini dengan Kementerian Pelajaran Malaysia. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Aziz bin Haji Sapian, jemput.

Y.B. Datuk Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) bagi pihak Y.B. Datuk Haji Abdul Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 11.

Berapakah jumlah bantuan yang diterima bagi Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah untuk skim bantuan PIBG Sekolah-sekolah di Negeri Johor?

Y.B. Dato' Speaker : Soalan saya eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, jumlah sumbangan yang diterima bagi sekolah rendah di bawah skim bantuan PIBG Negeri Johor bagi tahun 2009 ialah RM2,999,144.00 dan bagi sekolah menengah RM2,711,480.00 menjadikan jumlah keseluruhan RM5,710,624.00.

Y.B. Dato' Speaker : Habis, soalan bertulis selesai masanya. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam persidangan yang sama.

Jurutulis : Soalan-soalan bertulis. Jawapan kepada soalan-soalan bertulis ada dibentangkan di atas meja mesyuarat.

Peranggaran Tambahan Pembangunan Kedua Tahun 2009.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, sebelum Yang Amat Berhormat bangun, saya ada menerima dua Rundingan di bawah Bilangan 30 untuk menengguhkan mesyuarat di bawah Peraturan 29, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Pentadbiran Negeri

daripada Yang Berhormat Dr. Boo Cheng Hau, ADUN Kawasan Skudai dan Yang Berhormat Dr. Mohamad bin Taslim, ADUN Kawasan Maharani.

Ahli Yang Berhormat, adalah dimaklumkan bahawa saya telah menerima Rundingan di bawah Bilangan 30, Peraturan-peraturan Tetap dan Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor daripada Yang Berhormat Dr. Boo Cheng Hau, ADUN Kawasan Skudai supaya membahaskan berkenaan pendekatan-pendekatan untuk mengurangkan kadar kematian disebabkan infeksi virus H1N1 sebanyak 1.6% setempat berbanding dengan kadar sedunia pada 0.8 dan juga sama ada Kerajaan sewajarnya berusaha menempah vaksin H1N1 yang memadai untuk seluruh rakyat Malaysia. Perkara tersebut telah pun ditolak pada persidangan yang lepas iaitu pada 18 Jun 2009 disebabkan belum melepasi tempoh 12 bulan. Saya sekali lagi menolak rundingan tersebut mengikut Peraturan 29 (4) Perintah-Perintah dan Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Johor.

Dan yang kedua, saya juga telah menerima usul menanggungkan mesyuarat di bawah Peraturan Tetap Bil. 29 daripada Yang Berhormat Dr. Mohamad bin Taslim. Yang Berhormat Dr. Mohamad bin Taslim juga telah menghantar sebagai soalan lisan dan telah pun dijawab sebentar tadi dalam Persidangan Dewan Negeri Johor pada hari ini. Dan lebih penting lagi usul yang tersebut bukanlah isu yang terlampau mustahak, bukanlah menjadi penutupan sekolah, kalau penutupan sekolah mungkin usulnya agak berat dan boleh dipertimbangkan dan juga telah pun dijawab oleh Pengerusi yang berkenaan baru sebentar tadi. Maka dengan ini, saya menolak usul ini mengikut Peraturan 25 (7) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor. Jemput Yang Amat Berhormat.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini serta-merta bertindak menjadi Jawatankuasa bagi ke seluruh Dewan Negeri untuk menimbangkan Peranggaran Tambahan Pembangunan Kedua Tahun 2009 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 41 Tahun 2009. Dan memperakukan sama ada peranggaran itu patut diluluskan oleh Dewan ini dengan dipinda atau tidak dipinda. Tambahan peruntukan pembangunan yang kedua bagi tahun 2009 adalah sebanyak RM32,927,000.00 dan diletakkan di bawah 3 jawatankuasa seperti berikut:

- i) Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri Johor, RM29 juta.
- ii) Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri Johor, RM27,000.00
- iii) Jawatankuasa Agama Negeri Johor RM3,900,000.00.

Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan di kemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah peruntukan wang berjumlah RM27,000.00 bagi Maksud P.54, Perumahan Johor dipersetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, peruntukan berjumlah RM27,000.00 di bawah perkara P.54, Perumahan Johor, tambahan peruntukan sebanyak RM27,000.00 ini diperlukan untuk membiayai perbelanjaan bagi projek perumahan kos rendah Kerajaan di Rengit.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM29 juta bagi Maksud P.56, Pejabat Menteri Besar dipersetujukan.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi maksud pembangunan P.56, Pejabat Menteri Besar Johor, memerlukan tambahan peruntukan sebanyak RM29 juta di mana RM17 juta diperlukan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan terutama di luar bandar seluruh Johor. Manakala sebanyak RM12 juta merupakan tambahan kepada peruntukan sedia ada untuk pelaksanaan Rancangan Pembangunan Kerja-Kerja Kecil untuk rakyat seluruh Negeri Johor.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan jawatankuasa ini adalah supaya peruntukan berjumlah RM3,900,000.00 bagi Maksud P.58, Jabatan Agama dipersetujukan.

Y.B Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Pembangunan P.58, Jabatan Agama Negeri Johor, tambahan peruntukan sebanyak RM3,900,000.00 diperlukan untuk membiayai pembayaran kemajuan pembinaan dan bayaran muktamad bagi kerja-kerja membina sekolah-sekolah agama di seluruh Negeri Johor.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, oleh sebab Maksud-Maksud perenggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bil. 41 Tahun 2009 telah pun selesai ditimbang, maka saya membawa rundingan supaya ketetapan-ketetapan Jawatankuasa ini dimaklumkan serta-merta kepada Dewan Negeri.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Dewan Negeri bersidang semula.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Jawatankuasa Dewan ini telah menimbang dan meluluskan tanpa pindaan maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bil. 41 Tahun 2009 iaitu saya membawa rundingan supaya Dewan ini bersetuju bahawa peruntukan wang berjumlah RM32,927,000.00 yang dicadangkan bagi Peranggaran Pembangunan Kedua Tahun 2009 itu diluluskan oleh Dewan ini. Dan dengan ini mengambil ketetapan bahawa satu jumlah wang yang tidak melebihi RM32,927,000.00 hendaklah dibelanjakan daripada kumpulan wang pembangunan dalam tahun kewangan 2009 bagi menyempurnakan maksud yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat yang tersebut.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

Jurutulis : Rang Undang-Undang Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Tahun 1895 Pindaan 2009.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya memohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895 (Pindaan) 2009 dibacakan kali yang pertama.

Y.B. Dato' Speaker : Tak ada yang menyokong?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, Saya menyokong Rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Tahun 1895.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya memohon membawa Rundingan supaya Peraturan Tetap 58 ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain diselesaikan pada hari ini juga.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, Saya menyokong Rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Peraturan Tetap 58 ditangguhkan sementara.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895 selepas ini disebut sebagai Undang-Undang Tubuh, Fasal 2 bertujuan memperuntukkan tatacara pengisian sesuatu kekosongan luar jangka di Dewan Negeri agar selaras dengan peruntukan yang terdapat di dalam Undang-Undang Tubuh Negeri lain dan perkara 54 Fasal 1, Perlembagaan Persekutuan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, Saya menyokong Rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak ...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai): Yang Berhormat Dato' Speaker, saya meminta rundingan ini dibawa untuk berbahas di bawah Fasal 59 (1) dan 32 (10) di bawah Peraturan dan Perintah Tetap Dewan yang mulia ini supaya Rang Undang-Undang bertajuk ringkas Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri 1895 (Pindaan) 2009 di bahas dalam Dewan yang mulia ini.

Y.B. Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya sokong.

Y.B. Dato' Speaker : Ikut peraturan memang dalam Jawatankuasa ini boleh dipertimbangkan. Cuma Yang Berhormat nak sentuh apa? Tak boleh lama.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Saya?

Y.B. Dato' Speaker : Nak, nak ucap apa?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Rang Undang-Undang berkenaan melibatkan pindaan Fasal 23 pecahan fasal (5) Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Negeri Kerajaan Negeri yang akan mendatangkan *impact* yang besar kepada perkembangan politik di Negeri Johor. Adalah diperingatkan bahawa Undang-Undang Tubuh Negeri Johor diwujudkan pada tahun 1895 dengan kebijaksanaan Allahyarham Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar. Dewan yang mulia ini sepatutnya berasa bangga terhadap Undang-Undang Tubuh Negeri Johor yang merupakan perlembagaan kerajaan yang paling awal di Tanah Melayu. Maka semangat perlembagaan Undang-Undang Tubuh Negeri mesti ditegakkan supaya selaras dengan hakikat bahawa Malaysia adalah ditubuh atas konsep negara persekutuan atau *federated state*, dengan izinnya. Ini bermakna, Kerajaan Negeri diperuntukkan kuasa-kuasa tertentu dibawah Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Negeri. Konsep negara persekutuan yang memperuntukkan kuasa tertentu oleh kerajaan negeri dalam bidang ugama, pengurusan air, tanah dan pentadbiran kerajaan tempatan adalah amat sesuai untuk masyarakat majmuk seperti Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, namun begitu..

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Kuasa pengurusan bekalan air telah digadaikan kepada kononnya sebuah syarikat swasta pengurusan aset air di bawah Kementerian..

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, saya beri sikit aja, dia masa ni masih belum jadi dalam Jawatankuasa lagi, masih dalam nak persetujuan rundingan dulu, jadi Yang Berhormat tak boleh sentuh keseluruhannya, semasa dalam Jawatankuasa aje nanti, kalau Yang Berhormat ada nak ditimbulkan. Ok, saya balik kepada itu ya, sebab Yang Berhormat dah cakap lebih sebelum Rang Undang-Undang dipersetujui. Saya nak balik kepada asal Rundingan dibawa oleh Yang Berhormat, ada Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju maka Rang Undang-Undang dibaca kali yang kedua.

Jurutulis: Suatu enakmen untuk meminda Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Tahun 1895.

Y.B. Dato' Speaker : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis: Fasal 2, pindaan Fasal 23 Bahagian Kedua.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini, Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 2 jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis: Fasal Yang Pertama.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini, Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Dewan Negeri bersidang semula.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbang dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujui tanpa pindaan, dari itu saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895 (Pindaan) 2009 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Dengan izin Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak membangkitkan Fasal 60.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, saya dah cakap tadi, kalau Yang Berhormat nak timbul, semasa dalam Jawatankuasa, bila saya tanya Ahli Yang Berhormat setuju, setuju, yang tak setuju takde angkat, patut ketika itulah Yang Berhormat, bangun, dalam Jawatankuasa aje yang dibenarkan, usul yang dibawa, apa juga perkara, dia bukan dah keseluruhan semua Yang Berhormat.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Ha.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Menurut Fasal 60 diperingkat bacaan kedua, maka setiap ADUN boleh bangkitkan bahawa supaya pindaan ini dirujuk kepada sebuah Jawatankuasa pilihan, maka memang ada satu kewajipan Dewan yang mulia ini mematuhi Fasal 60 ini. Saya mencadangkan bahawa...

Y.B. Dato' Speaker : Takde Yang Berhormat.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Rundingan ini dirujukkan kepada satu Jawatankuasa pilihan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dia nak rujuk tu di peringkat awal, semasa dibentangkan, masa saya sebutkan Ahli yang bersetuju tak, dah jalan semua, Yang Berhormat takde cakap nak bangkang atau dirujuk. Patut Yang Berhormat bangunlah, tak setuju, ini bila ni Yang Berhormat tak angkat, setuju pun takde angkat, Yang Berhormat ni macam terkecuali, jadi itu tak boleh, dia melainkan Yang Berhormat timbul peringkat awal hendak dirujuk boleh, bukan baca semua baru tengah-tengah Yang Berhormat tu akan bangun. Dia masa mula-mula dibentangkan usul tu, ya. Bila bentang usul barulah Yang Berhormat bangun, selepas habis saya dah bercakap satu fasal, Yang Berhormat tak boleh nak masuk balik semula ke asal. Ok?

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya membangkitkan, mengesyorkan bahawa ianya dibahaskan.

Y.B. Dato' Speaker : lalah semasa... Yang Berhormat, tadi semasa Jawatankuasa saya nak tengok Yang Berhormat faham tak faham dalam Jawatankuasa, bangunlah, dalam Jawatankuasa boleh dibahas, bila saya sebut bersetuju, bersetuju. Cuba cakap nanti dulu, saya nak bercakap, Yang Berhormat takde timbulkan, bila dah habis dah sampai peringkat akhir Yang Berhormat nak timbul. Kita ni ikut peraturan Yang Berhormat, dia bukan macam tengah-tengah tu kita boleh ambil potong begitu ya. Ok, Dewan bersidang semula. Ahli yang, minta maaf, sampai dia ganggu tadi.

Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali ketiga dan diluluskan.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Saya tak bersetuju Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Dah, dah habis.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Bila dibaca kali ketiga, kita mempunyai hak untuk membangkitkan semula sebab ini merupakan satu usul yang begitu mustahak..

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang mesti dibahaskan dalam Dewan ini.

Y.B. Dato' Speaker : Tadi Yang Berhormat kan saya cakap, dalam Jawatankuasa kenapa Yang Berhormat tak nak bangun? Bila saya dah pergi ketiga, dah baca, Dewan ni tak boleh main-main, nak tarik balik, oh, saya kata bolehlah mula, jadi makna saya salah mengikut peraturan, Dewan dah setuju dan takde bantahan, takde bantahan, Yang Berhormat pun tak bantah semua, patut bangunlah, tak setuju. Asal Ahli Yang Berhormat setuju, angkat tangan, angkat, Ahli yang tak setuju, Yang Berhormat tengoklah, Yang Berhormat pun takde cakap bantah. Taklah sampai baca kali ketiga baru Yang Berhormat nak bangkit seolah Yang Berhormat, betul. Yang Berhormat salah dalam peraturan, tak boleh sampai yang ketiga, Yang Berhormat nak bangkitkan balik, tak boleh. Masa, dan itu sebab Yang Berhormat kena lihat betul-betul bila Jawatankuasa aje, Ahli yang bersetuju, baru angkat tangan. Ok, jemput Jurutulis.

Jurutulis : Bahawa dengan ini adalah diperbuat undang-undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut: Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895 (Pindaan) 2009 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh pihak berkuasa negeri melalui pemberitahuan dalam warta.

RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI DEWAN NEGERI (SARAAN) (PINDAAN) 2009.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dinamakan Enakman Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2009 dibacakan kali yang pertama.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu enakmen untuk meminda Enakman Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) 1980.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 58 ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Peraturan Tetap 58 ditangguhkan sementara.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya memohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri Saraan 1980 selepas ini disebutkan sebagai Enakmen.

Klausa 2 bertujuan meminda Seksyen 2 Enakmen dengan menggantikan definisi Ahli atau Anggota dengan definisi baru termasuk perkataan Timbalan Speaker selepas perkataan Speaker.

Klausa 3 bertujuan meminda Seksyen 3 Enakmen dengan menggantikan jumlah elaun Ahli Dewan Negeri dengan jumlah elaun yang baru sebagaimana yang dicadangkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Klausa 4 bertujuan meminda Seksyen 4 dan Seksyen 4A Enakmen dengan memotong kedua-dua peruntukan digantikan dengan Seksyen 4 yang baru yang menyatakan jumlah gaji bulanan baru bagi kedua-dua Speaker dan Timbalan Speaker sebagaimana yang dicadangkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, di samping elaun yang diterima di bawah Seksyen 3 dan memasukkan peruntukan baru yang membenarkan kedua-dua Speaker dan Timbalan Speaker menerima elaun Ahli Dewan Undangan Negeri walaupun bukan seorang Ahli Dewan Negeri.

Klausa 5 bertujuan meminda Seksyen 5 Enakmen dengan memotong perkataan dan 4A.

Klausa 6 bertujuan meminda Subseksyen 6 (1) Enakmen dengan menggantikan jumlah saraan bagi anggota pentadbiran dengan jumlah saraan yang baru sebagaimana yang dicadangkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Klausa 7 bertujuan meminda Seksyen 13 (2) Enakmen dengan memasukkan perkataan dan Timbalan Speaker selepas perkataan Speaker.

Klausa 8 bertujuan meminda Jadual Pertama Enakmen dengan menggantikan perenggan 4 dalam Jadual Pertama dengan peruntukan baru agar *parimaterial* dengan *Members of Parliament (Remuneration Act) 1980*.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : Suatu enakmen untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) 1980.

Y.B. Dato' Speaker : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : Fasal 2, 3, 4, 5, 6, 7 dan 8.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara dihadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 hingga 8 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 2 hingga 8 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : Fasal yang pertama.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Dewan bersidang semula.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbangkan dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Dari itu, saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan tersebut.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan)(Pindaan) 2009 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini adalah diperbuat undang-undang Dewan Negeri Johor seperti berikut, enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan)(Pindaan) 2009 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh pihak berkuasa negeri melalui pemberitahuan dalam warta.

RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (2009)(NO. 3) TAHUN 2009.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2009)(No. 3) Tahun 2009 dibacakan kali yang pertama.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2009 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa saya akan membawa Rundingan untuk bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada hari ini juga dan saya membawa Rundingan supaya Peraturan Tetap 112(2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan itu dibukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa Rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Tambahan peruntukan ini merupakan tambahan yang ketiga bagi Perbelanjaan Bekalan Tahun 2009. Tambahan peruntukan yang diperlukan ialah sebanyak RM8,560,000.00 sebagaimana yang dimaksudkan di dalam Enakmen Perbekalan Tambahan di bawah lima Jawatankuasa seperti berikut :

- 1) Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran Kewangan dan Perancangan Negeri Johor, RM4,686,000.00.
- 2) Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri Johor, RM1,882,000.00
- 3) Jawatankuasa Agama Negeri Johor, RM801,000.00
- 4) Jawatankuasa Pertanian Dan Industri Asas Tani Negeri Johor, RM919,000.00; dan
- 5) Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri Johor, RM272,000.00.

Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya Dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali kedua.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan Tahun 2009 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Y.B. Dato' Speaker : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : Jadual.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM850,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Menteri Besar Johor; RM873,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Pentadbiran Dewan Negeri dan RM112,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Unit Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Menteri Besar Johor peruntukan tambahan sebanyak RM850,000.00 diperlukan untuk menampung pembayaran pelbagai sewaan bagi majlis-majlis rasmi kerajaan. Bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Pentadbiran Dewan Negeri peruntukan tambahan sebanyak RM873,000.00 diperlukan bagi menampung pertambahan perbelanjaan dalam pengurusan jabatan. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM821,000.00 adalah untuk pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan dan baki RM52,000.00 lagi adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pejabat.

Bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Unit Sains Teknologi Dan ICT Negeri Johor peruntukan tambahan sebanyak RM112,000.00 diperlukan untuk menampung pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka untuk mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM932,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bahagian Kerajaan Tempatan; RM247,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bahagian Perumahan Negeri Johor dan RM19,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bahagian Landskap jadi sebahagian daripada jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.03 ini iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bahagian Kerajaan Tempatan peruntukan tambahan sebanyak RM922,000.00 adalah diperlukan untuk menampung tambahan perbelanjaan pengurusan jabatan dan daripada jumlah yang disebut itu sebanyak RM102,000.00 adalah untuk membayar emolumen kepada anggota-anggota jabatan, sebanyak RM350,000.00 adalah untuk membayar perkhidmatan dan bekalan pejabat, manakala RM480,000.00 lagi merupakan pemberian kepada Pihak Berkuasa-Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Johor.

Dan, di bawah Maksud B.03 juga bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bahagian Perumahan Negeri Johor peruntukan tambahan sebanyak RM247,000.00 adalah diperlukan bagi menampung pertambahan perbelanjaan pengurusan pejabat. Daripada jumlah tersebut RM100,000.00 adalah untuk membayar perkhidmatan dan bekalan pejabat manakala baki sebanyak RM147,000.00 pula adalah perlu untuk menampung perbelanjaan pengurusan rumah-rumah sewa kerajaan.

Dan, di bawah Maksud B.03 juga, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bahagian Landskap pula peruntukan tambahan sebanyak RM19,000.00 adalah perlu bagi menampung pertambahan perbelanjaan pengurusan jabatan dan daripada jumlah ini sebanyak RM9,000.00 adalah kerana pembayaran perkhidmatan dan bekalan pejabat dan bakinya sebanyak RM10,000.00 adalah untuk membayar ganjaran kepada anggota-anggota kontrak jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM236,000.00 bagi Maksud B.04, Perbendaharaan Negeri jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi bagi Maksud B.04, Perbendaharaan Negeri peruntukan tambahan sebanyak RM236,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM283,000.00 bagi Maksud B.07, Jabatan Pertanian dan RM636,000.00 bagi Maksud B.10, Jabatan Haiwan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud B.07, Jabatan Pertanian Negeri Johor peruntukan sebanyak RM283,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan.

Bagi Maksud B.10, Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM636,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi perbelanjaan pengurusan jabatan. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM237,000.00 adalah untuk pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan manakala baki sebanyak RM399,000.00 lagi adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pejabat.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM82,000.00 bagi Maksud B.12, Kebun Bunga DiRaja Johor jadi sebahagian daripada jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud B.12, Pejabat Kebun Bunga Kerajaan, peruntukan tambahan sebanyak RM82,000.00 ini perlu untuk menampung pertambahan perbelanjaan dalam pengurusan jabatan. Daripada jumlah itu sebanyak RM32,000.00 adalah untuk pembayaran emolumen kepada

anggota-anggota manakala bakinya sebanyak RM50,000.00 adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pejabat.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM272,000.00 bagi Maksud B.23, Kebajikan Masyarakat jadi sebahagian daripada jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud B.23, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM272,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan kos bagi pengurusan pejabat. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM270,000.00 adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pejabat manakala baki sebanyak RM2,000.00 adalah untuk menampung bayaran gantikan cuti rehat kepada anggota jabatan yang bersara.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara daripada Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM602,000.00 bagi Maksud B.24, Jabatan Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud B.24, Jabatan Kerja Raya, peruntukan sebanyak RM602,000.00 sebagai tambahan diperlukan untuk menampung kekurangan kos bagi pengurusan pejabat dan daripada jumlah ini sebanyak RM242,000.00 adalah untuk membayar emolumen kepada anggota-anggota manakala bakinya RM360,000.00 itu perlu untuk menampung perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pejabat.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput, angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM16,000.00 bagi Maksud B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar, Istana Besar Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar Johor memerlukan tambahan sebanyak RM16,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan bagi pengurusan pejabat daripada jumlah tersebut sebanyak RM13,000.00 adalah untuk pembayaran tuntutan kerja-kerja lebih masa kepada anggota pejabat dan sebanyak RM3,000.00 lagi adalah untuk pembayaran ganjaran kepada anggota-anggota jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM801,000.00 bagi Maksud B.29, Mahkamah Syariah jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.29, Mahkamah Syariah Johor peruntukan tambahan sebanyak RM801,000.00 diperlukan untuk menampung pertambahan perbelanjaan bagi pengurusan pejabat. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM158,000.00 adalah untuk pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan, sebanyak RM600,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pejabat dan sebanyak RM12,000.00 untuk perolehan aset. Manakala baki sebanyak RM31,000.00 lagi adalah untuk menampung pembayaran ganjaran dan gantian cuti rehat kepada anggota-anggota kontrak dan anggota-anggota yang bersara.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM242,000.00 bagi Maksud B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru; RM489,000.00 bagi Maksud B.45, Pejabat Daerah Segamat; RM60,000.00 bagi Maksud B.48, Pejabat Daerah Mersing; RM42,000.00 bagi Maksud B.49, Pejabat Daerah Kulaijaya dan RM268,000.00 bagi Maksud B.50, Pejabat Daerah Ledang jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru diperuntukkan sebanyak RM242,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.45, Pejabat Daerah Segamat diperuntukkan sebanyak RM489,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.48, Pejabat Daerah Mersing diperuntukkan sebanyak RM60,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.49, Pejabat Daerah Kulaijaya diperuntukkan sebanyak RM42,000.00 dan di bawah Maksud B.50, Pejabat Daerah Ledang diperuntukkan sebanyak RM268,000.00. Kesemua peruntukan tambahan tersebut disediakan adalah untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan serta perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pejabat dan juga pembayaran gantian cuti rehat kepada anggota yang bersara dalam pengurusan pentadbiran pejabat-pejabat di atas.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM188,000.00 bagi Maksud B.51, Pejabat Tanah dan Galian; RM143,000.00 bagi Maksud B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru; RM10,000.00 bagi Maksud B.53, Pejabat Tanah Muar; RM388,000.00 bagi Maksud B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat; RM47,000.00 bagi Maksud B.55, Pejabat Tanah Pontian; RM81,000.00 bagi Maksud B.56, Pejabat Tanah Segamat; RM144,000.00 bagi Maksud B.57, Pejabat Tanah Kluang; RM133,000.00 bagi Maksud B.59, Pejabat Tanah Mersing; RM54,000.00 bagi Maksud B.60, Pejabat Tanah Kulaijaya;

dan RM310,000.00 bagi Maksud B.61, Pejabat Tanah Ledang; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.51, Pejabat Tanah dan Galian Negeri, diperuntukkan sebanyak RM188,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru diperuntukkan sebanyak RM143,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.53, Pejabat Tanah Muar, diperuntukkan sebanyak RM10,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat, diperuntukkan sebanyak RM388,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.55, Pejabat Tanah Pontian diperuntukkan sebanyak RM47,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.56, Pejabat Tanah Segamat diperuntukkan sebanyak RM81,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.57, Pejabat Tanah Kluang diperuntukkan sebanyak RM144,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.59, Pejabat Tanah Mersing diperuntukkan sebanyak RM133,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.60, Pejabat Tanah Kulaijaya diperuntukkan sebanyak RM54,000.00 dan di bawah Maksud Bekalan B.61, Pejabat Tanah Ledang diperuntukkan sebanyak RM310,000.00. Kesemua peruntukan tambahan tersebut disediakan adalah untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan serta perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan dan juga perolehan aset jabatan. Di samping itu juga, ianya bagi menampung pembayaran gantikan cuti rehat kepada anggota-anggota yang bersara serta pembayaran ganjaran kepada anggota-anggota kontrak di dalam pengurusan pentadbiran pejabat-pejabat di atas.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Jadual jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 2.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL YANG PERTAMA

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Dewan bersidang semula.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbang dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Maka, saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2009) (No.3) Tahun 2009 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini adalah diperbuat Undang-Undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut:

Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2009) (No.3) Tahun 2009.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya membawa rundingan supaya Dewan ini kita tangguhkan.

Y.B. Dato' Speaker : Eh..

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Hm..

Jurutulis : UCAPAN TANGGUHAN MESYUARAT.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Tan Cher Puk.

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Salam sejahtera dan selamat tengah hari. Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Ya.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Saya minta undi-undi bertulis dikira semula, dibenarkan memberikan ucapan tangguhan.

Y.B. Dato' Speaker : Apalah nak undi Yang Berhormat. Saya ingat, yalah sebagai Speaker, saya tengok kehadiran saja Yang Berhormat. Kita nak jaga masa. Kalau agak Ahli Yang Berhormat sebelah sini, Ahli Yang Berhormat sini tu, agak sama banyak, jadi kadang membuang masa ajelah Yang Berhormat. Alah, Yang Berhormat terima ajelah hakikatnya. Yalah, kita dalam Dewan ini, tengoklah. Ini dah tentu memang ramai semua ini. (Dewan bertepuk). Tujuh oranglah. Saya bukan anu, saya tak nak, nak terima yang agak-agak Yang Berhormat nak berpusing balik, nak suruh kira lagi. Penat ini bulan puasa, dahlah. Toksahlah banyak cerita yang fasal nak undi. Dia bila

dulu peraturan itu ada menerangkan, bila banyak undi, bila undi memanglah sebelah sini banyak. Itu kena terima hakikatlah Yang Berhormat, ingat tak payahlah nak undi-undi semula. Nak apa, kali yang kedua, kali ketiga. Ha, ya Yang Berhormat. Tak apalah ini perkara kecil.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Apa bendanya pula awak ni..

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Saya ingin menarik perhatian terhadap Fasal 76...

Y.B. Dato' Speaker : Betul...

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang mana ianya menyatakan bahawa di peringkat apa-apa pun, setiap Ahli di sini boleh membawa rundingan supaya sebelum Rang Undang-Undang diluluskan, supaya ia dibawa kepada Jawatankuasa. Ini memang ada kewajipan Dewan ini..

Y.B. Dato' Speaker : Tak ini, Yang Berhormat cerita ini yang mana ini? Bab apa ni cerita?

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Fasal 76.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, tidak, dalam, ini dah pergi kepada Ucapan Penangguhan.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Iaitu, walau bagaimanapun oleh kerana saya...

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, ini masa untuk saya.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, itulah Yang Berhormat.

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Saya minta tidak ada gangguan. Saya mintalah Ahli-Ahli semua ini bersopan.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya rasa Yang Berhormat Dato' Speaker mesti tegas dalam soal ini, sebab keputusan pengundian dah ada.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, saya tahulah, tahu.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Jadi, saya rasa perlu tegaslah.

Y.B. Dato' Speaker : Minta Yang Berhormatlah, tak payahlah Yang Berhormat. Yang Berhormat Johor Jaya.

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana mengizinkan saya mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan ucapan penangguhan dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada 10 April tahun ini, kawasan Johor Jaya sekali lagi dilanda banjir keadaannya jauh lebih teruk berbanding dengan banjir-banjir yang lepas. Cuba bayangkan bulan Mac dilanda banjir. Bulan April kena lagi. Kemarahan penduduk meluap-luap. Pening kepala saya Yang Berhormat Dato' Speaker.

Walaupun susah hati tetapi saya amat terharu dengan prihatinan yang ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Sehari selepas banjir Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah turun padang untuk melihat keadaan yang sebenar tanpa, sebenar dan tanpa diiringi oleh *bodyguardnya*. Malah, Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Dato' sendiri yang memandu kereta ke Taman Johor Jaya. Segan juga saya. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar jadi pemandu, saya jadi penumpang. Tetapi syok juga dibawa oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Tindakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri telah mengejutkan semua lapisan masyarakat termasuk saya sendiri. Dalam lawatan tersebut Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bersalam-salam dengan penduduk, menanya-nanya keadaan penduduk, mendengarkan masalah yang dihadapi oleh penduduk. Walaupun lawatan itu tidak lama, cuma makan masa lebih kurang 2 jam tetapi lawatan itu telah meninggalkan kesan yang baik dan mendalam kepada orang ramai di mana orang ramai terpuji-puji Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana walaupun sebagai Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar turun padang juga untuk memahami masalah dan penderitaan orang ramai. Dalam lawatan ke Taman Johor Jaya, Yang Amat Berhormat Dato' telah memberi arahan kepada agensi kerajaan supaya mengkaji dan menentukan kaedah penyelesaian. Dalam masa yang singkat sahaja, kaedah penyelesaian telah berhasil. Saya berharap semua agensi Kerajaan yang terlibat untuk mengatasi masalah banjir ini dapat bekerjasama dengan erat untuk melaksanakan projek dengan cepat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, cara kerja Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang efisien telah menjadi teladan kepada kita semua. Semua Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai harus mencontohi semangat dan cara kerja yang efektif Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita. Di mana Ketua-Ketua Jabatan kita juga harus sentiasa turun padang untuk melihat dengan sendiri masalah orang ramai dan mencari penyelesaian. Saya percaya jika semua agensi kerajaan dapat mengamalkan cara kerja yang sedemikian tentu kita dapat memberikan perkhidmatan yang cekap, amanah kepada orang ramai. Sebagai anak Johor, kita harus berasa bangga kerana mempunyai seorang Menteri Besar yang begitu prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh rakyat jelata.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita rakyat Malaysia memang bertuah kerana mempunyai peluang untuk menguasai pelbagai bahasa. Banyak rakyat Malaysia baik kaum Melayu, kaum Cina ataupun kaum India dapat menguasai tiga bahasa iaitu bahasa Malaysia, bahasa Cina dan bahasa Inggeris. Kemampuan penguasaan pelbagai bahasa ini membolehkan rakyat Malaysia bersaing dalam perkembangan globalisasi yang penuh dengan cabaran. Lebih-lebih lagi pada zaman Negara China muncul sebagai sebuah negara yang maju dengan pesat sekali dalam ekonomi. Ramai rakyat Malaysia telah melabur dan berniaga di Negara China. Ini ternyata Sekolah Jenis Kebangsaan Cina telah memainkan peranan yang penting untuk mendidik dan melahirkan rakyat yang berkemampuan tinggi dan dapat membawa sumbangan dan kemajuan kepada negara kita. Kita harus berterima kasih kepada

Kerajaan Malaysia kerana selama ini kerajaan telah memberi bantuan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Akan tetapi, selaras dengan perkembangan dan permintaan globalisasi ini, keperluan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina semakin mendadak dan meningkat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman dewan, sebelum ini di kawasan Parlimen Pasir Gudang cuma ada dua buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina sahaja. Tetapi dengan adanya pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang adil dan saksama, hari ini di kawasan Parlimen Pasir Gudang terdapat lima buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah memperuntukkan tapak sekolah untuk SJK(C) Chi Tung dari Teluk Jawa dan Nam Heng dari Nam Heng Estate ke Seri Alam. Di samping itu Yang Berhormat Dato' Menteri Besar juga memberi bantuan atas penubuhan SJK(C) Johor Jaya di Taman Johor Jaya ini. Tindakan ini telah mendapat penghargaan daripada masyarakat Tionghoa. Daripada Pilihan raya yang lepas kita dapat lihat, kaum Cina di kawasan Pasir Gudang memberi sokongan yang kuat kepada Barisan Nasional.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun di kawasan Parlimen Pasir Gudang terdapat lima buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina tetapi masih tidak cukup untuk menampung keperluan penduduk terutamanya di kawasan Permas Jaya di mana keperluan sebuah sekolah Cina di kawasan tersebut amat desak, maka saya minta jasa baik Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar supaya dapat membantu untuk mewujudkan sekolah Cina di kawasan Pasir Gudang terutamanya di Permas Jaya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Johor masih dapat tahan sebagai kubu Barisan Nasional kerana pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mengamalkan cara pimpinan yang adil di mana keperluan semua bangsa diambil berat dan tidak menyebelah kepada sesuatu kaum sahaja. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sentiasa memberi peruntukan khas untuk membantu sekolah Cina dan juga NGO-NGO masyarakat Tionghoa. Pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar patut dicontohi oleh Menteri Besar negeri lain supaya kita dapat merealisasikan konsep Satu Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya berasa amat kesal dengan peristiwa yang berlaku di Kampung Baru Plentong Tengah. Dari segi undang-undang, kerajaan memang tidak dapat menahan pemaju daripada perobohan rumah-rumah di kampung tersebut. Akan tetapi Kerajaan Johor telah memberi bantuan yang sepenuhnya untuk membantu penghuni-penghuni yang terlibat. Kerajaan telah mengurniakan tapak di Bukit Dagang kepada penduduk-penduduk yang memenuhi syarat sebagai penempatan baru dan buat sementara ini mereka di tempatkan di rumah pangsa. Kerajaan Negeri Johor telah berusaha dengan seberapa boleh untuk membantu penghuni yang terlibat. Tidak serupalah nasib orang Pulau Pinang itu.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat tak ada dalam dialog ya. Ah, teruskan.

Y.B. Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, di Negeri Johor terdapat banyak rumah setinggan. Tanah rumah setinggan ini ada yang merupakan hak milik kerajaan. Ada pula milik swasta. Kawasan rumah setinggan di satu hari nanti mungkin akan dimajukan oleh pemaju. Perkara yang sama mungkin akan berulang di mana rumah penduduk dirobuhkan dan penduduk-penduduk membantah dengan

tangisan. Untuk menyelesaikan masalah rumah setinggan, saya mencadangkan kerajaan supaya dapat menubuhkan satu jawatankuasa khas yang mana jawatankuasa tersebut memainkan peranan sebagai perantara pemilik tapak dan penduduk rumah setinggan. Jawatankuasa ini perlu mengkaji masalah yang dihadapi oleh penduduk rumah setinggan. Jika keadaan persekitaran setinggan memang sesuai untuk dijadikan rumah kediaman, kerajaan boleh mempertimbangkan mengurniakan tanah tersebut kepada penduduk rumah setinggan yang sedia ada dan sekiranya keadaan di rumah setinggan memang tidak sesuai untuk dijadikan kediaman maka saya mencadangkan kerajaan supaya dapat menempatkan mereka ke tempat lain yang lebih sesuai untuk menaik tarafkan mutu hidup rumah setinggan supaya ia selaras dengan kemajuan Wilayah Iskandar.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, lagi satu minit.

Y.B. Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Ya, terima kasih Dato' Speaker. Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai ADUN Johor Jaya saya mewakili penduduk Kampung Plentong Tengah mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor terutamanya kepada Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kita memang amat kesal dengan tindakan pemaju yang mengadakan sekatan untuk mematikan laluan masuk ke kampung tersebut pada 9 Jun tahun ini. Seramai 200 buah keluarga di kampung tersebut tidak dapat keluar masuk. 12 Jun, perkara ini dibawa untuk perhatian Kerajaan Barisan Nasional Negeri. Dengan bantuan Pengerusi Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Datuk Bandaraya kita, kerajaan telah membuat satu laluan baru untuk penduduk kampung pada 19 Jun. 9 hari bulan tutup jalan, 12 hari bulan jumpa Yang Berhormat Pengerusi dan Kerajaan Tempatan dan Datuk Bandar, 19 hari bulan, jalan baru sudah dibuat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, cuba bayangkan dalam masa 7 hari sahaja semua dah selesai. Bukan main cepat dan cekapnya tindakan kerajaan dan Bandaraya Johor Bahru.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dari tindakan yang diambil ini, telah menunjukkan sebenarnya kerajaan mampu bertindak dengan cepat dan cekap. Kita berharap cara kerja ini dapat diteruskan dan diamalkan oleh semua agensi kerajaan. Pengamalan dan cara kerja ini tentu dapat memberi perkhidmatan yang baik kepada orang ramai. Tentu juga Barisan Nasional akan tetap disokong oleh rakyat jelata. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dr. Lee Hong Tee jemput.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, salam sejahtera dan selamat pagi. Izinkan saya untuk merakamkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang dan ruang untuk berucap di sesi penangguhan mesyuarat pada pagi yang bahagia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kini saya nampak suasana politik di negara kita semakin hari semakin hangat. Jika dibandingkan dengan dahulu. Selepas Pilihan Raya Umum tahun 2008 hingga kini, pilihan raya kecil demi pilihan raya kecil berlangsung dan sudah sebanyak lapan kali pilihan raya kecil dalam tempoh 18 bulan. Yang kesembilan menanti kita. Antara sebabnya Wakil Rakyat meninggal

dunia. Yang itu kita kena terima hakikatnya. Apa yang saya berasa sedih, kecewa mahupun sukar untuk menerimanya adalah tindakan pihak pembangkang yang sengaja mengosongkan kerusi yang telah diamanahkan oleh rakyat ...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker izinkan...

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Semata-mata untuk menjadi mainan politik untuk memenuhi agenda politik ...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ucapan Penangguhan mengikut Peraturan Tetap ...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, kejam kejam. Apa ni cerita?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Menurut Peraturan 119 (1) Ucapan Penangguhan mesti berkaitan dengan persoalan yang ditujukan kepada Kerajaan Negeri walaupun ditujukan Kerajaan Persekutuan dan hal-hal lain tidak boleh dibangkitkan dalam waktu ini. Ini bukan tempat untuk pidato politik.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, ini dia baca Ucapan Penangguhan. Betullah kalau kerajaan nak jawab, jawablah. Kalau kerajaan tak nak jawab, kerajaan biarkanlah. Saya pun kasi dia ucap gasaklah, dia jangan jawab. Biar dia cakap sorang aja apa dia nak cakap. Tak ada benda. Tak jadi masalah. Asal dia bercakap. (Dewan bertepuk).

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Terima kasih.

Y.B. Dato' Haji Osman Bin Haji Sapian (Kempas) : Cakap sorang-sorang ya.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Ini merupakan satu tindakan yang tidak bertanggungjawab, membazir sumber wang ringgit negara malahan merencat pembangunan negara. Saya menyokong keputusan pihak pimpinan Barisan Nasional untuk tidak menyertai pilihan raya kecil seumpama ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita halusi perkembangan senario politik negara kita semenjak merdeka hingga kini, selama 52 tahun nyata kita nampak perubahan pengamalan pendekatan politik khususnya oleh pihak pembangkang. Dahulu kita mengutamakan kesederhanaan, kesopanan dan keharmonian dan tertib. Kita kini munculnya senario politik yang ganas, kefahaman keagamaan melampau dan tidak segan-segan dan takut untuk membatasi perundangan dan peraturan negara. Politik demonstrasi jalanan dan politik budaya samseng diwar-warkan oleh pembangkang. Mereka sengaja merencanakan satu situasi supaya rakyat asyik terlibat dalam pergolakan dan percaturan politik. Menghasut rakyat benci kerajaan dan memprovokasikan sentimen perkauman dan keagamaan melampau. Melencongkan pemikiran rakyat daripada kepentingan arus pembangunan ekonomi negara, memburuk-burukkan imej negara di kaca mata dunia untuk mencari jalan pintas menjatuhkan kerajaan ...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita jadi kerajaan kita akan jawab. Kenapa nak bangkit isu sini?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat, dengar cakap saya dulu. Yang Berhormat tak ada hak ganggu orang berucap. Orang berucap Yang Berhormat tak boleh ganggu. Itu hak dia. Dia dah hantar pada saya draf ucapan dia. Dia baca. Mana ada saya nak tapis-tapis, janji apa yang dia ucap, yang dia hantar bacalah. Yang Berhormat tak boleh bangun mengganggu ucapan orang lain. Dalam peraturan salah. Saya beri amaran Yang Berhormatlah. Yang Berhormat tahu memang tak boleh ganggu. Kenapa Yang Berhormat ...

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Yang Berhormat, izinkan saya teruskanlah. Masa suntuk.

Y.B. Dato' Speaker : Tak apalah. Saya pun geram jugalah. Ah, ok.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Siapa yang makan cili dia yang rasa pedaslah. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Speaker, melepaskan kemarahan dan perumusan politik diterjemahkan dalam bentuk sedemikian rupa tidak menguntungkan mana-mana pihak termasuk pembangkang sendiri. Saya merasa sedih dan tindakan sedemikian rupa sampai ke tahap menggadaikan nasib rakyat untuk kepentingan agenda politik mereka. Oleh yang demikian, saya menyokong kerajaan untuk mengkaji kesesuaian untuk membenarkan demonstrasi di tempat yang khas seperti di stadium ataupun tanah lapang asalkan ianya tidak mengganggu keamanan, ketenteraman masyarakat. Biarlah mereka yang suka berdemonstrasi menjerit sampai tekak pecah pun tak apa. (Dewan bertepuk). Asalkan jangan mengotori tempat itu. Nanti siapa pula nak sapu?

Yang Berhormat Dato' Speaker, selepas Pilihan raya Umum Mac tahun 2008, beberapa negeri di bawah Semenanjung telah ditawan di bawah pemerintahan Kerajaan Pakatan Rakyat iaitu kerajaan PKR, PAS dan DAP. Walaupun mereka belum berkahwin, berdaftar, bernikah dengan SPR tetapi sudah berpakat kahwin sebagai Pakatan Rakyat. Walaupun PAS dan DAP merupakan musuh ketat kerana pendirian dan dasar parti yang jauh berbeda, tetapi mereka sanggup bermalam di katil yang sama yang disediakan oleh PKR. Mereka ini sanggup bekerjasama atas kesenangan dan keuntungan sumber politik yang dirasai.

Yang Berhormat Dato' Speaker ...

Y.B. Dato' Haji Osman Bin Haji Sapian (Kempas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Kalau kita menderita di bawah pemerintahan Kerajaan Pakatan Rakyat ...

Y.B. Dato' Haji Osman Bin Haji Sapian (Kempas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Dato' Speaker ...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ...

Y.B. Dato' Haji Osman Bin Haji Sapien (Kempas) : Nak betulkan sikit. Bukan Pakatan Rakyat, Pakatan Pembangkang.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Saya setuju. Kalau kita meneliti negeri di bawah pemerintahan Kerajaan Pakatan Rakyat maka tidak kurang wujudnya kelemahan-kelemahan dan perbezaan pandangan antara mereka. Di Negeri Kelantan di bawah Kerajaan PAS merupakan negeri yang termiskin di Malaysia dengan kadar pengangguran yang tinggi. Kedah di bawah Kerajaan PAS di mana PAS dan DAP bertikam lidah sehingga mengugut keluar dari Pakatan atas isu sembelih khinzir. Ini menunjukkan Pakatan Rakyat kurang pengalaman dalam menyelesaikan masalah rakyat. Kesan daripada ketidak sefahaman baru-baru ini, seorang ADUN PKR telah keluar dari Pakatan. Ini menunjukkan parti mereka menghadapi masalah runcing. Pulau Pinang di bawah Kerajaan DAP wujud pergaduhan antara DAP dan PKR. Perletakan jawatan Timbalan Ketua Menteri kerana kurang amanah dan isu Perkampungan Buah Pala menunjukkan Kerajaan DAP kurang pengalaman dan juga Kerajaan Negeri kurang dana untuk membangun negeri. Di Negeri Perak beberapa ADUN Pakatan Rakyat keluar dari parti menyebabkan kerajaannya bertukar tangan ke Barisan Nasional. Di Negeri Selangor, isu penjualan arak menyebabkan pergaduhan antara PAS dan DAP dan beberapa Wakil Rakyat dipercayai terlibat dalam aktiviti-aktiviti kurang amanah. Tempoh berbulan madu untuk Pakatan Rakyat sudah habis. Mereka perlu berhadapan dengan kenyataan, mereka perlu merancang dasar, melaksanakan dasar berdepan dengan masalah rakyat, belajar menyelesaikan masalah, bukan mewujudkan masalah dan mencari masalah.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, lagi satu minit.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Eh, cepatnya.

Y.B. Dato Speaker : Eh, Yang Berhormat baca, mana tau masa.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Sumber mencari, mencari sumber dan dana untuk pertumbuhan ekonomi, menjaga kesejahteraan dan keamanan rakyat. Mampukah pihak pembangkang melakukan perubahan? Walaupun sudah satu tahun enam bulan memerintah. Apa yang jelas saya lihat mereka berlagak sebagai pembangkang di negeri yang mereka perintah. Menyalahkan orang lain, mencari kelemahan kerajaan yang lalu seperti kata pepatah Cina, mencari tulang di dalam telur, untuk menutup kelemahan sendiri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebaliknya Kerajaan Barisan Nasional yang berpengalaman 52 tahun, memerintah sentiasa mengubah pendekatan pemerintahan supaya sentiasa relevan dari semasa ke semasa untuk memenuhi aspirasi rakyat khususnya Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib. Beliau telah memperkenalkan satu konsep 'Satu Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan beraninya telah mengorak langkah ke depan untuk mengubah pendekatan ekuiti ekonomi di beberapa sektor khidmat untuk merangsangkan pertumbuhan ekonomi di negara supaya ianya relevan dengan keadaan kemelut dunia, ekonomi dunia. Beliau telah menunjukkan kesungguhan untuk mengubah persepsi negatif rakyat terhadap kerajaan dengan

memperkenalkan indeks petunjuk prestasi utama di enam bidang utama. Begitu juga saya amat gembira dan tertarik hati dengan terbacanya berita, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor merasmikan Majlis Pecah Tanah Kuil India di Muar, melawat sebuah tokong di Ledang, di mana Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sedia membantu mereka. Senario ini cukup menggambarkan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor merupakan seorang pemimpin yang mendekati rakyat dan menjaga kepentingan semua kaum di Johor.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Tadi pembangkang sudah ambil masa saya, Dato'.

Y.B. Dato' Speaker : Ah takpe, tu setengah minit je.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Saya juga mengucap penghargaan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor kerana kesediaan membantu dan menyelesaikan isu geran tanah sekolah cina, sekolah swasta dan tokong.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat, cukup sepuluh minit.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Ah, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Samsol Bari, jemput.

Y.B. Datuk Samsol Bari Bin Jamali (Semarang) : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam perpaduan. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan serta terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk sama-sama untuk mengambil bahagian dalam ucapan penangguhan Mesyuarat Kedua Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-12. Alhamdulillah, pada hari ini kita telah berada di penghujung persidangan di mana kita telah sama-sama terlibat secara langsung mengetengahkan pandangan dan meluluskan Rang Undang-Undang yang terlibat dan yang secara keseluruhannya tidak lain dan tidak bukan adalah untuk menambah kemakmuran rakyat dan Negeri Johor Darul Takzim ini.

Yang terhormat Dato' Speaker, secara jujur kita semua harus mengakui bahawa Kerajaan Negeri Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ini adalah sebuah kerajaan yang komited dan bukan bersikap retorik yang sentiasa berusaha keras, bukan sahaja untuk memajukan negeri ini dalam segala aspek kehidupan rakyatnya tetapi juga berusaha gigih menghadapi cabaran dalam aspek ekonomi mahupun pembangunan sosialnya. Semua pihak mengimpikan dan mendambakan kebahagiaan, keselesaan dan kemudahan yang bertaraf lima bintang tapi tidak ramai yang sanggup membayar untuk apa yang dimimpi dan didambakan. Malahan, sebahagian besarnya mereka mengharap agar dinikmati secara percuma tanpa kos. Lebih memburukkan keadaan, sebahagian daripada kita yang terpilih mewakili rakyat dalam usaha untuk memperkecil dan *discredit*, dengan izin kepimpinan yang ada, mereka terus menyelip mencari isu untuk dijadikan modal apabila berhadapan dengan rakyat demi *survival* dan kelangsungan parti dan kedudukan mereka.

Lain padang, lain belalang. Apa yang berlaku di negeri lain tidak semestinya sesuai dan layak dipraktikkan di negeri ini sama ada yang baik apatah lagi yang buruk dan memalukan negara. Bukti telah di depan mata, pembaharuan, reformasi atau apa saja aspirasi gerakan untuk rakyat tidak mudah untuk berjaya jika tiada perancangan yang konkrit serta menyeluruh apatah lagi tanpa pakatan yang ampuh dan niat atau nawaitu yang suci oleh pendukung gagasan dan pelaksana-pelaksananya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tidak ada kebebasan yang hakiki dalam dunia yang serba sementara ini. Dan berdasarkan realiti ini, sewajarnya kita menjadi sebahagian orang bijak yang berusaha menambah baik segala yang ada dan bukan menjadi pihak yang taksud dengan ideologi reformasi yang berlandaskan dendam kesumat dan sakit hati, fanatik yang bukan-bukan serta buruk sangka yang tidak ada tepinya. Barang diingat, untuk membuat janji dan membakar semangat anak-anak muda di jalanan adalah mudah apatah lagi ia jika disiram dengan minyak fitnah serta tohmahan yang liar. Tetapi sebagai insan, seorang bapa atau ibu yang waras apakah kita mampu menongkat langit, melindungi anak-anak kita ini di masa depannya? Semua ini bersikap sementara, keagresifan kita ini sampai ke mana agaknya? Sudah pasti ada orang lain yang lebih agresif dari kita di luar sana. Kita tidak ada pilihan, selain daripada menggabungkan tenaga dan fikiran kita untuk memacu usaha membangun negara kita, kita juga harus menjadi agen-agen yang aktif kepada perpaduan yang menjadi tunjang kepada pembangunan ummah dan negara ini. Kita tidak akan mampu berjabat tangan, jika kita terus mengepal atau menggenggam tangan kita terus-terusan. Jauh lagi kita boleh berpadu dalam Satu Malaysia ini jika kita terus-terusan menyeru perpaduan sesama kita tetapi hanya mengajak berpadu untuk memusuhi pihak yang lain, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita tidak seharusnya terperangkap atau menyalah guna erti kata kebebasan, demokrasi, hak asasi manusia, kesaksamaan dan sebagainya yang hanya menjadi alasan dan landasan pencapaian cita-cita kita. Sewajarnya dengan keintelektualan kita, kebebasan kita dan sebahagian rezeki yang kita dapat yang kita raih dengan izin Allah S.W.T berkat kemerdekaan yang masih muda ini serta idealisme yang kita dukung ini untuk memperbaiki dan menambah nilai segala yang ada dan bukan memilih hanya mesti merobohkan segala yang ada untuk memperbaiki atau tambah nilai perkara yang kecil, itu tidak bijak namanya. Kita harus ingat dengan jelas bahawa bibit-bibit kebencian yang kita tanam secara langsung atau tidak langsung, secara bersistem atau selamba akan menghasilkan rasa kebencian yang mendalam yang akhirnya kita sendiri tidak daya untuk menutupnya dan kita sendiri akhirnya menjadi mangsa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan selalu dipersalahkan di atas segala kepincangan dalam sistem penyampaian yang berhadapan dengan rakyat sepanjang masa. Seolah-olah tiada lain, tiada jalan lain untuk memperbaiki kepincangan yang ada, selain mengkritik pemimpin politik yang sebenarnya mereka juga menjadi salah satu kumpulan pelanggan sistem penyampai itu sendiri. Senario ini akan menjadi positif jika aduan kumpulan yang kecil, yang menjadi tempat aduan rakyat ini diterima baik oleh penyelenggara sistem penyampai yang ada dan alangkah baiknya jika ia juga dianggap sebagai rakan kongsi mereka untuk mendekati serta mengatasi masalah rakyat yang menjadi pelanggan dalam kumpulan sasaran tetap mereka. Urusan kerajaan akan menjadi mudah, nikmat kerajaan yang dinamik akan terus di rasa dan dinikmati oleh rakyat jika segala sistem penyampai dapat

berperanan memenuhi piagam pelanggan jabatan masing-masing yang dicipta, diedit dan dipersetujukan oleh mereka sendiri sebelum dipasang di semua pintu masuk pejabat-pejabat. Dan, ini semua akan sekurang-kurangnya akan mengurangkan tohmahan retorik kepada kerajaan dan keselarisan aspirasi kerajaan dengan sistem penyampai yang berhadapan dengan rakyat jelata.

Kerajaan yang ada bukanlah sebuah kerajaan yang sentiasa menegakkan benang yang basah tetapi kerajaan yang ditunjangi oleh Barisan Nasional ini adalah satu Kerajaan Negeri yang dinamik dan realistik yang bukan hanya tertumpu kepada *survival* parti dan kedudukan yang ada tetapi memandang jauh pembangunan negeri dan rakyatnya. Usaha ini lebih mudah dan akan jadi lebih licin jika hubungan baik antara sistem penyampai dan jabatan-jabatan kerajaan dengan badan-badan di akar umbi di pertahan dan dipertingkatkan lagi. Untuk menjayakan ini, kefahaman serta penghayatan kerja sebagai ibadah haruslah ada serta konsep Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan dijadikan realiti. Kepada pihak yang berpegang kepada konsep runtuh dan bina semula, kami dan rakyat Negeri Johor yang celik nikmat dan menghargai kesejahteraan akan bersedia berhadapan dengan mereka. Johor akan dibantu dengan cara dan acuan Johornya yang dinamik yang tidak jumud dengan pembaharuan yang berhemah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, setelah 52 tahun merdeka, berdasarkan kepada statistik serta fakta yang ada, kepada saya realitinya konsep harmoni antara kaum di Malaysia ini masih belum benar-benar wujud, walaupun pada dasarnya itulah aspirasi dan janji yang dipersetujui. Adapun maksud harmoni kaum itu adalah satu situasi yang menyerlahkan keserasian ataupun *compatibility*, dengan izin. Dalam semua aktiviti sektor-sektor penting, baik ekonomi, politik, pendidikan, pertahanan dan perdagangan. Keharmonian itu hanya wujud jika semua kaum mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah, dalam erti kata yang lain mereka masing-masing menikmati taraf hidup yang sama. Umpamanya, jika satu kaum mampu hidup di rumah dua tingkat kaum lain juga perlu mampu tinggal di rumah sedemikian.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, satu minit lagi.

Y.B. Datuk Samsol Bari Bin Jamali (Semarang) : Insyallah, jika satu kaum itu mampu makan sepinggan sehari, kaum lain juga mampu membeli sepinggan nasi sehari dan dalam keadaan ini barulah keharmonian itu wujud. Jika satu kaum mampu dan mendapat peluang menghantar anak-anak mereka ke luar negara, maka seharusnya dalam keadaan keharmonian yang ada, anak-anak kaum ini juga seharusnya mempunyai peluang berbuat demikian sama ada melalui peluang yang di wujud secara *intuition*, dengan izin atau peluang-peluang yang sedia ada untuk direbut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, keharmonian kaum ini amat penting kerana kegagalan mencapai situasi harmoni ini akan mencetuskan kesangsian dan menyemarakkan prasangka dan keadaan ini berupaya menjadi penyebab menimbulkan keresahan dalam diri kelompok-kelompok tertentu yang seterusnya boleh mengganggu keselamatan rakyat khususnya dan negara amnya. Walau bagaimanapun Yang Berhormat Dato' Speaker, setelah 52 tahun juga kita merdeka, pada realitinya ketidaksamarataan agihan kekayaan antara kaum yang masih tinggi di Malaysia, yang digambarkan dengan indeks kini antara kaum pada tahap 0.45, namun kaum yang menjadi majoriti populasi negara sebanyak 65% ini masih belum

terasa terancam dan memberontak. Persoalannya, mengapa ini masih berlaku? Adakah ini kerana aras toleransi mereka sangat tinggi? Jika begitu, ia sewajarnya harus terus dipupuk, di pertahan dan wajar dihormati oleh yang lain atau mungkinkah ia kerana kegagalan mereka menilai keadaan yang sebenar? Jika ia begitu, wajar, maka wajar janganlah ada pihak yang cuba menanggung di air yang keroh.

Y.B Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat, habis.

Y.B. Datuk Samsol Bari Bin Jamali (Semarang) : Justeru, atas semangat hari kemerdekaan serta bulan Ramadhan Al Kareem yang penuh nikmat Yang Berhormat Dato' Speaker, marilah kita hayati nikmat-nikmat kemerdekaan ini dan kita terus tingkatkan usaha kita mencari keredaan Allah dalam pada kita perkukuh ukhawah, menjaga watan dan memperbaharui kesediaan kita sebagai warga negara mempertahankan serta patuh kepada perlembagaan. Sekian, salam satu Malaysia. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Cheong Chin Liang.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat Dato' Speaker, salam satu Malaysia dan salam sejahtera. Terlebih dahulu ingin saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada Bukit Batu untuk turut serta dalam ucapan penangguhan Mesyuarat Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Undangan Negeri Johor yang ke-12 pada petang yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, mengajak seluruh warga Malaysia untuk sama-sama melaksanakan satu transformasi besar buat negara dengan semangat Satu Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Selepas mengambil alih tampok pemerintahan negara pada 3 April 2009. Menurutnya, Satu Malaysia merupakan gagasan untuk memupuk, meningkat dan mengekalkan perpaduan rakyat Malaysia yang hidup berbilang kaum, bahasa, budaya dan agama dengan menerapkan lapan nilai iaitu nilai-nilai budaya cemerlang, ketabahan, rendah diri, penerimaan, kesetiaan, meritokrasi pendidikan dan integriti demi mencapai matlamat tersebut. Satu Malaysia juga bermatlamat mewujudkan sebuah kerajaan yang perlu diterjemahkan sebagai kerajaan yang mengutamakan pencapaian berpaksikan keutamaan rakyat. Rakyat diutamakan akan merentasi seluruh lapisan masyarakat dan etnik di setiap pelosok tanah air. Tidak ada sesiapa yang patut merasakan diri mereka tercicir atau terpinggir daripada wacana nasional.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Batu ingin mencadangkan kepada Kerajaan Barisan Nasional Negeri Johor supaya merapatkan lagi hubungan rakyat dengan kerajaan agar tidak terus dikelirukan dan diperdayakan oleh permainan muslihat politik Pakatan Rakyat yang semakin sempit pemikirannya dan mencetuskan isu-isu perkauman termasuklah merobohkan tempat sembelih khinzir dan mengenakan kuota Bumiputera untuk rumah kos murah dan sederhana murah untuk projek pembangunan di Negeri Kedah. Dan menghalangkan perniagaan kaum bukan Muslim menjual minuman keras di Negeri Johor dan seterusnya percayalah ada berbagai isu-isu yang akan timbul pada masa-masa akan datang untuk membalas budi baik rakyat memilih Pakatan Rakyat untuk memerintah negeri masing-masing, yang mana parti DAP dan juga PKR membiarkan PAS membuat keputusan sendiri yang membelakangkan aspirasi

rakyat dan ini jelas menunjukkan memang kesemua parti dalam Pakatan Rakyat mempunyai agenda tersurat dan juga tersirat dalamnya yang mungkin akan mencetuskan ketegangan dari Kerajaan Barisan Nasional dengan apa cara sekalipun. Seperti mana pepatah Inggeris "*One finger point to others, three finger point to yourself*".

Y.B. Dato' Speaker : Hmm...

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang bermaksud satu jari menuding orang...

Y.B. Dato' Speaker : Hmm...

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Tiga jari menuding sendiri. Kerajaan Barisan Nasional menghadapi kritikan, salah tafsiran, tohmahan dan tuduhan dari Pakatan Rakyat yang mahu menimbulkan polemik berkenaan dengan pelbagai dasar oleh kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, negara kita sedang menghadapi tempas daripada krisis ekonomi global sehingga menjejaskan prestasi pencapaian pertumbuhan ekonomi negara bagi suku tahun pertama dan kedua berturut-turut. Rakyat juga berhadapan dengan pelbagai permasalahan yang membebankan sara hidup mereka. Oleh yang demikian, Bukit Batu sekali lagi mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya menjaga kepentingan dan aspirasi rakyat. Buatlah apa yang diperlukan termasuklah mengurangkan kadar lesen sebanyak 50% dan kadar sewa 10% dan berbagai cukai lagi demi membantu rakyat seperti mana yang telah dipraktikkan di Majlis Daerah Segamat, Majlis Daerah Yong Peng dan juga MBBJ. Yang kerana ini benar-benar menunjukkan keprihatinan kerajaan yang mendahulukan rakyat demi sama-sama menghadapi waktu kesusahan yang dihadapi oleh semua lapisan rakyat seperti pepatah Melayu "Berat sama dipikul ringan sama dijinjing".

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Batu ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengarah JPS Negeri Johor kerana telah melawat ke Tapak Projek Saliran Bandar Fasa 1 yang menelan RM2.64 juta yang telah siap dan Fasa 2 yang menelan RM4.07 juta yang masih dalam pelaksanaan pada 21 Ogos 2009 ini untuk meninjau sendiri kemajuan projek mengatasi masalah banjir di kawasan 21, Kulai dan juga melihat keadaan tanah runtuh di tebing anak sungai Skudai di Taman Nam Tak, Batu 21, Kulai. Untuk sama-sama mencari jalan penyelesaian. Bukit Batu lebih arif dan lebih tahu tentang masalah banjir yang berlaku di kawasan Bukit Batu daripada Yang Berhormat Senai. Bukit Batu juga ingin mengingatkan kepada beliau sebelum projek ini siap sepenuhnya, janganlah menanggung di air keruh dan menunjukkan Yang Berhormat ini pandai sangat, tetapi matlamat untuk publisiti sahaja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Skudai telah menyatakan bahawa kerajaan telah memberikan peruntukan besar kepada kawasan Skudai dan Senai, tetapi Bukit Batu juga ingin mengingatkan Yang Berhormat Skudai, bahawa ini langsung tidak ada usaha yang dicurahkan oleh kedua-dua Yang Berhormat ini, dan ini hanya membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional Negeri Johor amat murah hati sampai boleh memperuntukkan berbilion-bilion untuk melaksanakan projek yang akan bermanfaat kepada rakyat, seperti teladan tradisi membela rakyat yang telah

diguna pakai oleh Kerajaan Barisan Nasional selama ini untuk membela dan juga menjaga kepentingan rakyat jelata.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Batu ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Pejabat Tanah dan Galian Johor dan Pejabat Tanah Daerah Kulaijaya dengan usaha yang meluluskan permohonan tanah yang terdahulunya tapak pertanian dan dibinakan rumah perumahan kepada penduduk di MLO 2123 Kampung Baru, Kelapa Sawit, Kulai yang suatu ketika disebut sebagai "Ba Wang Cun" atau *Warlord Land*, dengan izin, yang telah lama mereka menunggu keputusan Kerajaan Negeri untuk meluluskan permohonan mereka. Mudah-mudahan lot-lot tanah seumpama ini di kawasan Kampung Baru Kelapa Sawit, Kampung Baru Bukit Batu akan diberikan kelulusan dengan bantuan *Task Force* dari Pejabat Tanah dan Galian Johor yang dapat menyegerakan proses permohonan dan kelulusannya.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, seminit lagi.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Batu menyambut baik pengumuman Yang Amat Berhormat Menteri Besar terhadap tempat-tempat ibadat bagi bukan Islam dengan bayaran dominan RM1. Mudah-mudahan usaha ini akan dapat membantu mempercepatkan gagasan 'Satu Malaysia' dalam pembangunan berteraskan Perlembagaan Persekutuan yang memanfaatkan seluruh rakyat di Negeri Johor demi agama, bangsa dan negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, teladan pepatah Cina "De Min Xin Zhe De Tian Xia". Sesiapa yang dapat memenangi hati rakyat akan mendapat kuasa pemerintahan. Bukit Batu menaruh harapan besar supaya usaha yang dipraktikkan oleh Kerajaan Negeri untuk menyatupadukan dasar demi mencapai aspirasi bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berwibawa, dihormati dan bersesuaian dengan identiti sebagai sebuah negara, bangsa yang maju dan berjaya akan tercapai. Akhir sekali, Bukit Batu mengucapkan Selamat Berpuasa dan Menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada semua yang meraikannya. Sekian sahaja, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Yang Berhormat Dato' Haji Baderi bin Dasuki.

Y.B. Dato Haji Baderi bin Dasuki (Panti) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Satu Malaysia. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang membuat ucapan penangguhan di Persidangan Dewan pada kali ini. Kita sebagai rakyat Malaysia merasa amat bersyukur selepas kita mencapai kemerdekaan selama 52 tahun kita masih hidup bahagia, aman, damai, sejahtera, bebas cari makan pun senang, kecuali yang malas. Apa lagi yang kita mahu? Menjadi tanggungjawab kita semua untuk memastikan apa yang telah kita capai ini kekal dan kita tambah baik dari hari ke hari. Ini tanggungjawab kita yang wajib kita tunaikan. Bukan kita berusaha untuk merosakkan segala sistem yang sedia ada semata-mata untuk mencapai tujuan politik kita. Pembangkang melihat tidak ada satu apa pun yang baik yang telah dibuat oleh kerajaan. Semuanya tidak baik, semuanya salah, yang betul hanya mereka. Tindakan-tindakan yang di luar kebiasaan masyarakat itu, dilakukan oleh pihak pembangkang semata-mata untuk mencapai tujuan politik mereka walaupun terpaksa mengorbankan ketenteraman awam, keselamatan dan perpaduan negara.

Cuba kita fikir, di dalam demonstrasi yang mereka adakan, berlaku satu kejadian kecil sahaja yang boleh mencetuskan huru-hara. Siapa yang akan bertanggungjawab? Jika itu berlaku tidak ada siapa yang untung. Oleh itu pembangkang perlu lebih bertanggungjawab, jangan gunakan isu-isu sensitif untuk meraih sokongan. Kerajaan juga perlu lebih tegas. Siapa sahaja yang melanggar undang-undang, ambil tindakan, kerana yang penting ialah keselamatan, kesejahteraan dan keamanan negara supaya rakyat Malaysia boleh hidup selesa dan pembangunan negara kekal berterusan.

Sekarang kerajaan dilihat begitu tidak tegas, takut dengan tekanan dan pandangan luar, takut ekonomi kita terjejas. Pedulikan semua itu. Ini negara kita, kita mesti berani melakukan apa yang baik untuk negara kita. Kalau kita perlu korbankan sedikit keselesaan jangka pendek untuk masa depan yang lebih gemilang, kita perlu bertindak sekarang. Jangan biarkan anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab memporak-perandakan negara kita. Kita telah buktikan bahawa kita telus dalam pilihan raya umum atau pilihan raya kecil, kerajaan telus. Sebab itu, kerajaan tidak menang semua dan pembangkang tidak kalah semua.

Kita rasa musykil kenapa baru sekarang kaum-kaum lain mempertikaikan apa yang telah dipersetujui bersama dahulu. Adakah kaum Cina dan India sekarang ini tidak lagi merasakan apa yang dirasai oleh generasi Tun Tan Cheng Loke dan Tun V.T. Sambanthan dahulu yang sanggup menerima dan memberi apa yang termaktub dalam Perlembagaan. Persetujuan dan persefahaman inilah yang telah kita amalkan sehingga Malaysia mencapai kejayaan yang kita lihat sekarang ini. Tiba-tiba selepas maju, kita hendak bertukar rasa dan selera. Selama ini tidak ada satu kaum pun yang terpinggir. Rakyat Malaysia yang waras menerima hakikat ini. Sebenarnya semua kaum dapat bahagian masing-masing dalam pembangunan yang dibawa oleh kerajaan. Oleh itu, kita jangan tamak. Orang tamak selalu rugi. Mungkin falsafah hidup kita telah berubah sekarang ini, kita perlu tamak, kalau tidak kita tidak dapat apa-apa. Perpaduan kaum amat kritikal kepada kita. Melayu, Cina dan India perlu bersatu padu tidak kira fahaman politik masing-masing. Jika kita tidak bersatu padu, kita berbalah, keadaan huru-hara akan berlaku, hancurlah Malaysia yang kita cintai. Dalam masyarakat majmuk seperti ini, kita tidak boleh dapat semua apa yang kita mahu, kerana kaum lain pun hendak juga. Oleh itu, memberi dan menerima adalah amalan kita. Jika amalan ini kita teruskan, insya-Allah, Malaysia ini akan wujud hingga hari Kiamat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, 31 Ogos baru berlalu. Sambutan Hari Merdeka Ke-52 disambut agak dingin. Bukan kerana jatuh pada bulan Ramadhan, tapi kita pun tidak tahu mengapa jadi sebegini. Rasanya kebanyakan rakyat Malaysia ini tidak dapat merasakan erti kemerdekaan yang sebenar sehingga dalam jiwa, hati dan perasaan mereka tidak ada rasa bahawa hari kemerdekaan itu perlu dirayakan dan diperingat. Oleh itu, pada mereka tidak naikkan bendera di rumah, atau memasang bendera di kenderaan masing-masing tidak menjadi apa-apa. Jika ekspresi luaran seperti ini, hendak naikkan bendera pun berkira sangat, kita tidak tahu bagaimana semangat mereka, perasaan dan taat setia yang cinta kepada negara. Tindakan segera perlu diambil untuk menentukan rakyat Malaysia mempunyai jati diri yang tinggi, sentiasa taat setia, cinta dan sayang kepada negara. Semangat tersebut perlu ditanam sejak kecil.

Oleh itu, tentukan sekolah-sekolah tidak kira apa aliran perlu mempunyai program-program yang boleh memupuk semangat, taat setia dan cinta kepada negara. Badan-Badan Sukarela dan NGO, syarikat-syarikat swasta dan badan-badan kerajaan perlu juga memainkan peranan masing-masing untuk mempertingkatkan semangat jati diri, pekerja-pekerja mereka atau pun ahli-ahli mereka dengan mengadakan program-program tertentu dan yang penting menghiasi premis masing-masing dengan Jalur Gemilang bagi menunjukkan rasa terima kasih mereka kepada Malaysia yang memberikan bermacam-macam insentif untuk membolehkan mereka memperoleh keuntungan yang besar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menyentuh mengenai pembangunan. Memang kerajaan telah merancang pembangunan dengan baik dalam apa juga sektor dan bidang. Dari segi infrastruktur terutama jalan raya, perancangan yang rapi telah dibuat terutama di dalam bandar raya dan di bandar-bandar untuk mengurangkan masalah trafik. Tetapi perancangan jalan-jalan luar bandar secara komprehensif belum lagi dibuat untuk membolehkan jalan-jalan dinaik taraf, jalan-jalan baru dibina, penyelenggaraan jalan-jalan dan penyediaan kemudahan-kemudahan seperti papan tanda, lampu-lampu jalan, *guard rail*, dan sebagainya. Kemudahan ini penting kerana jalan-jalan yang disediakan sekarang ini bermutu tinggi, lurus dan lebar, maka pengguna-pengguna jalan kampung perlu didedahkan dengan papan tanda ini semua supaya mereka semua berdisiplin di jalan raya. Jika cukup syarat, jalan-jalan luar bandar digazetkan dan berat kenderaan perlu ditentukan supaya jalan-jalan yang dibina tidak cepat rosak. Kerajaan perlu menambah lagi peruntukan untuk jalan-jalan luar bandar, lengkapkan dengan apa-apa juga kemudahan termasuk lampu-lampu jalan di tempat yang perlu supaya penduduk luar bandar merasa nikmat yang lebih kerana merekalah selama ini menyokong kerajaan. Kita tahu kerajaan membelanjakan berbilion ringgit sama ada di kawasan pembangunan umpamanya Wilayah Iskandar Malaysia untuk membawa banyak lagi pelaburan, tapi pada masa yang sama, janganlah susah sangat untuk mendapatkan peruntukan untuk jalan-jalan kampung. Jalan-jalan kampung tidak perlu berjuta-juta, bagi satu jalan yang diperlukan hanya berpuluh-puluh atau beratus ribu sahaja. Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, lagi satu minit.

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) : Rakyat juga perlukan sekolah-sekolah agama perlu dibina dengan segera. Banyak sekolah agama perlu dibina. Ada setengah-setengah tempat, tapak telah disediakan bertahun-tahun tapi sekolah tidak dapat juga dibina. Oleh kerana tidak cukup kelas, ramai murid-murid terpaksa belajar di kantin, di balai raya dan lain-lain. Kerajaan memang kekurangan dana untuk memenuhi segala keperluan ini. Dulu, kita terdengar ada ura-ura untuk membawa Amanah Raya untuk bersama-sama bagi menyediakan kemudahan-kemudahan sekolah agama di Negeri Johor. Saya ingin tahu setakat mana perundingan ini telah berjalan dan apa hasil yang diperolehi. Jangan setiap kali pertukaran pegawai, polisi bertukar kerana yang menjadi mangsa anak-anak kita yang dahagakan ilmu terutama ilmu agama yang dapat menyediakan mereka untuk menjadi rakyat yang berguna kepada negara kita pada masa akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir sekali saya ingin menyentuh mengenai keselamatan, terutama sekali jenayah dan ragut. Ragut merupakan 17% daripada keseluruhan jenayah indeks pada tahun 2008. Bandar raya Johor Bahru adalah merupakan salah satu lokasi kawasan panas di mana kejadian ragut kerap berlaku. Kita mengharapkan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Polis bersama-sama dengan Pihak Berkuasa Tempatan untuk memasang CCTV di kawasan-kawasan panas akan dapat mengurangkan kejadian ragut. Langkah-langkah lain yang diambil seperti meningkatkan pengambilan anggota baru, menyelaras pembahagian tugas untuk rondaan menggunakan PGA untuk tujuan rondaan, penempatan anggota Sukarelawan, RELA, dan lain-lain diharapkan akan dapat mengurangkan lagi kes-kes ragut di Johor. Kita juga tidak boleh 100% bergantung kepada Polis semata-mata. Individu dan masyarakat perlu memainkan peranan masing-masing. Kita mungkin perlu menukar sedikit kebiasaan kita. Kalau dulu kita pakai beg yang mahal-mahal dan meletakkan segala-gala benda dalam beg tangan kita, mungkin sekarang kita gunakan beg yang lebih kecil dan bawa yang perlu sahaja dan masukkan ke dalam kocek untuk lebih selamat. Masyarakat juga perlu prihatin dan berperikemanusiaan, jangan ada sikap tidak peduli ada pada kita. Mungkin yang kena ragut bukan kita atau ahil keluarga kita, tapi mungkin satu hari nanti, kita pula yang kena. Apa perasaan kita ketika itu. Ada kes berlaku di mana masyarakat tidak berbuat apa-apa, tidak membantu mangsa ragut kerana takut kepada penjenayah.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dah habis masa.

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) : Penjenayah akan bermaharajalela jika sampai ragut boleh dijadikan sebagai budaya kita dan masyarakat menerimanya sebagaimana terjadi setengah-setengah bandar raya, setengah-setengah negara di mana ragut sudah lumrah dan masyarakat sudah menerimanya. Hanya notis-notis yang memberitahunya terutama kepada pelancong supaya berhati-hati kepada mangsa ragut. Kalau kita kena ragut, dan membuat laporan kepada pihak Polis, pihak Polis pun tidak boleh membantu.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dah habis.

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) : Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ha. Ada siapa-siapa pihak kerajaan? Oh.. Yang Amat Berhormat.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada Johor Jaya, Jementah, Semerang, Bukit Batu dan juga Panti yang telah membuat Ucapan Penangguhan sebentar tadi. Izinkan saya untuk merujuk tentang perkara-perkara yang khusus yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, di antaranya ialah yang berkaitan dengan banjir.

Yang Berhormat Dato' Speaker, memang benar bahawa pada masa-masa tertentu kawasan-kawasan yang terletak di lembangan-lembangan sungai lebih terdedah kepada banjir kilat. Yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Johor Jaya ialah kawasan yang ada di sekitar lembangan Sungai Pandan di mana terletak beberapa taman-taman perumahan termasuk juga kawasan-kawasan perindustrian, bahkan masuk juga kawasan padang golf di lembangan sungai yang berkenaan.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh yang demikian langkah-langkah perlu diambil secara bersepadu untuk kita mengatasi masalah banjir kilat lebih-lebih lagi di kawasan yang agak luas seperti yang saya sebutkan sebentar tadi dan ini memerlukan kepada tindakan bersama di antara agensi kerajaan, sama ada yang berkaitan dengan membina kolam-kolam takungan ataupun untuk pastikan bahawa kolam-kolam takungan itu tidak terbiar hingga menjadi cetek dan juga sistem perparitan-perparitan yang kadang-kadang sudah pun tidak cukup luasannya, bahkan ada juga sempena dengan projek-projek lalu bahawa saluran-saliran telah pun tergendala dengan binaan-binaan seperti jambatan dan *culvert* yang tidak cukup luasnya.

Oleh itu, contoh yang dibawa oleh Yang Berhormat daripada Johor Jaya memerlukan satu tindakan secara bersepadu daripada kawasan ulu sungai hinggalah kepada hilir sungai. Jadi, sempena dengan pengalaman yang berlaku pada 10 April yang lalu, maka saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa tindakan-tindakan telah pun diambil untuk kita harap mengatasi masalah banjir kilat yang berlaku di kawasan yang berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya, oleh kerana Plentong Tengah ini sering disebut dalam media bahkan juga satu kes yang digunakan oleh pihak parti pembangkang untuk mendapat pengaruh dan kononnya. Yang Berhormat Dato' Speaker, sehingga pihak Suhakam telah pun diminta untuk turun untuk melihat apa sebenarnya berlaku di Plentong Tengah. Akhirnya Suhakam telah membuat keputusan bahawa, apa yang telah dibuat Kerajaan Johor terhadap masyarakat Plentong Tengah adalah satu yang, bahkan boleh dikatakan lebih daripada yang sewajarnya untuk membantu masyarakat Plentong Tengah. Sebenarnya apa yang berlaku ialah, tanah dimiliki oleh pihak swasta, mahkamah telah buat keputusan untuk membangunkan kawasan tersebut, maka penduduk terpaksa berpindah, maka Kerajaan telah pun :

- i) Menyediakan rumah-rumah untuk perpindahan sementara di lokasi-lokasi yang berdekatan,

dan serentak dengan itu, Kerajaan juga menawarkan tapak-tapak rumah di Bukit Dagang, untuk penempatan kekal kepada mereka, walaupun Bukit Dagang memerlukan infrastruktur, sama ada api ataupun air dan jalan, jalan masuk ke Bukit Dagang itu yang memerlukan peruntukan yang besar dan juga perlaksanaan dalam tempoh masa yang agak sederhana.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, maka ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan telah berusaha ke arah membela kepentingan masyarakat di Plentong Tengah ini dengan cara langkah-langkah yang telah saya sebutkan sebentar tadi. Jadi, dan ini menyentuh juga suasana yang ada dalam masyarakat setinggian pada hari ini. Ahli Yang Berhormat menyebut bahawa jika sesuai maka pengurniaan diberikan, bahkan Yang Berhormat Dato' Speaker, kita sudah pun melaksanakan pendekatan tersebut. Bahkan di kawasan-kawasan seperti Kampung Pasir, Kampung Sri Serdang sebagai contoh, di mana kita melihat bahawa penempatan menumpang di tanah kerajaan dalam tempoh yang agak jangka masa yang panjang, maka ada kewajarannya, maka sudah pun diberikan kurniaan. Tapi walaupun begitu, ada juga kawasan-kawasan di mana kurniaan tidaklah dapat diberikan, oleh itu penempatan dibuat dan biasanya Yang Berhormat Dato' Speaker,

kita berunding dengan pimpinan tempatan untuk membuat penempatan semula dan kalau boleh ianya dilakukan secara *in situ*.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya hendak merujuk tentang perkara yang dibangkitkan oleh Bukit Batu, mengenai Kampung Baru, Kelapa Sawit sebagai satu contoh Dato' Speaker. Memang benar bahawa Kampung Baru, Kelapa Sawit ini ialah kawasan pertanian sebenarnya. Walaupun begitu, sudah pun ada penempatan kependudukan di situ. Jadi Kerajaan beberapa tahun, kalau tidak salah saya tiga tahun kebelakangan ini, membuat keputusan untuk kerana ia sesuai maka ia diberikan kurniaan. Maka daripada kawasan pertanian menjadi kawasan perumahan, akhirnya dengan memberikan kurniaan tanah kepada mereka, ini adalah Kampung Baru, Kelapa Sawit. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, ini bermakna bahawa Kerajaan agak bukan sahaja adil tetapi agak juga menggunakan pendekatan yang paling rasional untuk mengatasi kawasan-kawasan seperti demikian, jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, ini membawa saya kepada satu lagi perkara yang berkaitan dengan penempatan masyarakat termasuk di kampung-kampung Baru di seluruh Negeri Johor, bahawa di kampung-kampung Baru yang masih lagi belum ada hak milik, maka sekarang ini diwujudkan satu *taskforce* yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Bukit Batu tadi, untuk kita memberikan kurniaan. Kita sedia maklum, Kampung Baru ini diwujudkan tanpa perancangan bandar yang sewajarnya dibuat. Oleh itu, kemudahan-kemudahan seperti jalan, perparitan, kemudahan awam memang tidak dirancang di kampung-kampung yang berkenaan.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh itu perlu kepada satu tindakan menepati dengan suasana yang ada dan masih lagi boleh diberikan pertimbangan untuk mendapat kurniaan secara langsung.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin merujuk perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Panti mengenai Sekolah Agama. Memang betul bahawa ada lebih kurang 121 Sekolah Agama yang perlu dibina, lebih kurang 58 yang begitu tinggi keperluannya. Dan, oleh yang demikian, kita perlu satu pendekatan untuk membina seberapa banyak yang boleh dalam tempoh yang terdekat, maksud saya terdekat mungkin dalam tempoh 2, 3 tahun yang terdekat ini. Kalau begitu, maka perlukan satu peruntukan yang agak besar juga untuk memenuhi keperluan bilangan 121. Kalau kita menggunakan peruntukan tahunan yang sedia ada, maka mungkin tidak lebih 15 ataupun 13 sekolah dapat dibina dalam satu-satu tahun, bermakna Yang Berhormat Dato' Speaker, kita menunggu agak belas dan puluh tahun juga untuk membina 121. Kalau kita hendak bina 58 yang pertama dalam tempoh yang terdekat, maka dengan peruntukan tahunan yang ada ini baki 58 tadi mungkin akan tersenarai pula menjadi sekolah yang terdesak juga untuk dibina.

Oleh itu, kerajaan sedang pun membuat perancangan untuk kita mendapatkan satu pendekatan di mana kita dapat membina sekolah-sekolah ini dengan seberapa banyak yang boleh, dan padan dengan kemampuan Kerajaan Negeri untuk membayar pembiayaan tersebut berdasarkan kepada pembiayaan lebih kurang RM13 juta setahun yang diperuntukkan untuk membina Sekolah Agama ini. Kita merasa bangga Yang Berhormat Dato' Speaker, bahawa Sekolah Agama Negeri Johor ini yang berusia lebih kurang 90 tahun lebih, sekarang ini merupakan sekolah yang lebih besar daripada bahkan daripada Sekolah Kebangsaan. Dia punya *enrolment* dengan izin, ialah lebih 120,000 pelajar yang mendaftarkan di Sekolah Agama

Negeri Johor ini. Bermakna bahawa minat ibu bapa untuk menghantar anak mereka ke Sekolah Agama ini agak tinggi dan berterusan. Jadi pengalaman Kerajaan Negeri lebih kurang 12, 14 tahun yang lalu membina jalan kampung pada panjang lebih daripada 3,000 kilometer kalau tidak salah saya, yang mencakupi berpuluh-puluh kampung dengan pembiayaan lebih kurang RM200 juta, maka projek tersebut telah menyelesaikan rata-rata sebahagian besar daripada jalan-jalan kampung. Sekali lagi ini sebagai contoh, Yang Berhormat Dato' Speaker, kalaulah tidak dibina jalan kampung, seperti tahun-tahun 96, 97 dengan pembiayaan RM200 juta tadi, maka saya percaya bahawa jalan kampung yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Panti tadi, banyak lagi yang belum dapat dibina. Saya percaya jalan kampung yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat daripada Panti, adalah di antara jalan-jalan baru agaknya yang belum mendapat, yang tidak termasuk dalam pelaksanaan projek membina jalan kampung lebih kurang 12 tahun yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai jenayah, ingin saya maklumkan di sini bahawa pihak Kerajaan Malaysia telah pun memberikan satu tugas yang agak besar kepada pihak Kerajaan Kementerian Dalam Negeri untuk mengurangkan jenayah samun dan ragut pada paras 20% KPI yang ditentukan untuk Kementerian yang berkenaan. Maka di Negeri Johor ini Yang Berhormat Dato' Speaker, di antara kawasan yang wujudnya jenayah, ialah di kawasan selatan Negeri Johor ini, maka kita pun, pihak Polis telah pun mengenal pasti kawasan-kawasan yang dikatakan *hotspot* dan di antara langkah-langkah yang diambil ialah seperti untuk kita meletakkan kemudahan-kemudahan CCTV.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa kerajaan sedang pun mencadang, membuat cadangan untuk mendapatkan satu peruntukan yang agak besar juga, bahawa kalau dapat pembiayaan tersebut maka di kawasan-kawasan awam khususnya di Iskandar Malaysia ini akan diletakkan 2000 CCTV, 2000 unit CCTV. Walaupun pada hari ini kemudahan CCTV yang ada khususnya di Bandaraya hanya setakat tak lebih 40 unit. Jadi, pada keseluruhannya kita merancang untuk CCTV lebih daripada 2000 itu kepada jumlah keseluruhannya sebanyak 10,000. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, idea CCTV ini ialah untuk mendapatkan visual apa yang berlaku di lokasi-lokasi yang tertentu. Dan jika sekiranya sistem ini dapat diwujudkan hingga mampu juga mengesan apa yang berlaku, apa yang sebelum berlaku pada sesuatu insiden di sesuatu kawasan, maka dia akan menjadi satu-satu cara untuk mengesan jenayah dan tindakan sewajarnya dan keduanya juga dengan wujudnya CCTV ini mungkin juga meningkatkan paras pencegahan terhadap jenayah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau itu dapat kita laksanakan, maka saya ingin menasihatkan Ahli Yang Berhormat juga supaya sedar dan faham apa yang Ahli Yang Berhormat buat juga akan digambarkan dalam CCTV.

Ahli Yang Berhormat, saya juga ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pihak polis telah pun mendapat tambahan dari segi keanggotaan sebanyak 521 anggota dan 87 pegawai di Kontinjen Johor ini. Kemudian, satu lagi pendekatan yang diambil ialah untuk kita mewujudkan apa yang dipanggil *Police Community Post*, Komuniti Pos Polis. *Post Police Community, all right*. Jadi, perancangan yang dibuat ialah untuk meletakkan *Post Police* ini di kawasan-kawasan kependudukan. Pada hari ini telah pun ada peruntukan sebanyak 15 juta untuk meletakkan 33 *Post Police* di kawasan-kawasan kependudukan di mana akan di letakkan anggota-anggota polis di

situ. Walaupun begitu, kita sedang pun merancang untuk mewujudkan bukan sekadar 33 pos ini, tetapi 100 pos di mana bermakna bahawa polis akan berada di tengah-tengah masyarakat itu sendiri. Jadi kita dapati bahawa pendekatan polis dalam konteks kejjiran, dalam konteks komuniti mempunyai kesan yang baik terhadap pencegahan dan juga membanteras jenayah ini. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker ini adalah langkah-langkah yang sedang diambil untuk kita mengatasi masalah jenayah di seluruh negara termasuklah di Negeri Johor ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, itu adalah di antara perkara-perkara spesifik dan khusus yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain, ingin saya menyebut tentang perkara ini bahawa nampaknya memang ada keghairahan parti-parti pembangkang untuk mendapat kuasa dan seterusnya untuk memerintah negara ini. Dan malang sekali bahawa pendekatan yang diambil oleh mereka pada, nampaknyalah dengan cara mencetuskan perkara-perkara yang agak keterlaluan lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan soal kaum dan agama juga. Setiap perkara telah pun di gunakan untuk mencetuskan sensitiviti masyarakat kaum khususnya. Kita dimaklumkan bahawa jika sekiranya mereka memerintah, mendapat kuasa memerintah mereka telah pun menamakan Perdana Menteri, katanya ialah Penasihat Parti Keadilan menjadi Perdana Menteri. Siapa Timbalan Perdana Menteri belum tahu lagi.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker memang jelas keghairahan untuk mendapat kuasa dan memerintah. Jadi selepas apabila kita melihat perbezaan yang begitu ketara di antara parti-parti pembangkang ini, maka Yang Berhormat Dato' Speaker apa yang berlaku selepas itu masing-masing bolehlah membuat tekaan masing-masing.

Jadi, terutama sekali di antara parti-parti pembangkang ini yang kita dapat ditakrifkan Yang Berhormat Dato' Speaker, masing-masing di antara parti pembangkang ini oleh kerana keghairahan di kalangan mereka ialah menggunakan dan memperalatkan antara satu dengan yang lain supaya mendapat kuasa. Satu menunggang yang lain dengan harapan mereka mendapat kuasa. Dan selepas itu apa yang mereka nak buat maka itu jatuh nombor 2. Dan ini adalah satu petanda yang boleh membawa kepada keruntuhan negara kita sebenarnya jika sekiranya mereka ini ghairah untuk memerintah negeri, negara ini dan selepas itu apa yang nak dilaksanakan kita boleh menduga di antara parti-parti pembangkang yang kononnya bersama untuk mendapat kuasa di negara kita ini. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak merumuskan bahawa yang dapat kita ditakrifkan ialah sesama mereka sebenarnya menjadi alat dan kalau mungkin tak perasan satu diperalatkan oleh yang lain untuk memenuhi nafsu keghairahan untuk mendapatkan kuasa di negara kita ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, itulah saja yang dapat saya sambut daripada ucapan-ucapan penangguhan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat sebentar tadi. Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli Yang Berhormat sekian, sebelum saya tangguhkan Dewan ini, saya ucapkan terima kasih atas kerjasama dan di samping itu nak mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri yang tak berapa lama lagi dan silalah datang ke rumah saya jika saya ada di rumah eh.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini saya tangguhkan ke satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:50 tengah hari.

PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:

Jurutulis

Tuan Haji Mohd. Halim bin Hasbullah

Penolong Jurutulis

Cik Shubannah binti Yusuf

Kordinator

Encik Abdul Rahman bin Mohd. Yusof

Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)

Puan Asiah binti Moklis

Pembantu Penerbitan

Cik Malina binti Mohd. Nasir
Puan Noraisah binti Mohd. Yusof
Encik Ariff bin Abu Bakar

Pembantu Tadbir (Mesyuarat)

Puan Zainah binti Mansor

Pembantu Tadbir Rendah

Puan Hanifa binti Mohamed

Pembantu Am Rendah

Encik Ahmad Amizan bin A. Samad
Encik Mohd. Hassan bin Jamian
Encik Norhayadi bin Hussien
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi

Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)

Puan Saniah Kassim
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Johor

Puan Azlin binti Bahrin
Pejabat Pengarah Kerja Raya Negeri Johor

Puan Junaidah binti Paing
Pejabat Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor

Puan Lindawati binti Othman
Pejabat Pengarah Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ)

Puan Zahiti binti Muhamad Hamdi
Pejabat SUKJ Cawangan Kerajaan Tempatan

Puan Rumiah binti Semirono
Pejabat SUKJ Cawangan Perumahan

Puan Norliza binti Md. Aris
Pejabat Menteri Besar (Pembangunan)

Puan Siti Rojimah Abd. Razak
Pejabat Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri Johor

Puan Nurul Ain binti Zainal Abidin
Pejabat Pusat Pelaburan Negeri Johor

Puan Fareza binti Musa
Pejabat Pengarah Perhutanan Negeri Johor

Rakaman

Encik Abdul Rahman bin Elias
Jabatan Penerangan Negeri Johor

Encik Nor Risam bin Esa
Jabatan Penerangan Negeri Johor

**PEJABAT DEWAN NEGERI
JOHOR**

16 September 2009